



**Kemajuan Negeri**  
**SABAH**



#### HIASAN KULIT DEPAN

*Adunan tiga gambar pemandangan Negeri di bawah Bayu. Di sebelah atas ialah puncak Kinabalu, gunung yang menjadi lambang kemegahan di Malaysia, di tengah ialah menara bangunan Yayasan Sabah dan jambatan putih menghala ke bangunan berkenaan dan di sebelah bawah, bandar moden Kota Kinabalu yang terus berkembang maju.*

Diterbitkan oleh :  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SABAH.

Bagi pihak :  
JABATAN KETUA MENTERI SABAH  
untuk KERAJAAN NEGERI SABAH.

Dicetak oleh :  
CAPITAL ASSOCIATES (S) SDN. BHD.,  
KOTA KINABALU, SABAH.  
Tel: 088-420213, 420215, 420234

PEN/BP/8PV/Julai 1990/B4-5,000 (gam).

700091  
APB

12 NOV 2003  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



## KANDUNGAN

- 2 Perutusan Y.A.B.  
Ketua Menteri Sabah
- 3 Sabah Selayang Pandang
- 6 Keadaan Ekonomi Sabah 1989/1990
- 10 Infrastruktur
- 16 Elektrik
- 19 Air
- 22 Kesihatan
- 25 Pertanian
- 31 Perikanan
- 34 Haiwan
- 37 Ke Arah Mengekalkan  
Sumber-sumber Hutan Sabah
- 42 Perindustrian
- 50 Kebajikan
- 52 Perumahan
- 55 Pendidikan
- 58 Pelancongan
- 64 Agama



# PERUTUSAN

YANG AMAT BERTHORMAT  
KETUA MENTERI SABAH

Tahun 1986 hingga 1990 adalah tempoh pembangunan Rancangan Malaysia Kelima. Sejak tahun 1986 banyak usaha telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memajukan negeri ini dalam segala aspek pembangunan ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat serta menjamin kesejahteraan negeri dan negara, selaras dengan hasrat dan cita-cita Rancangan Malaysia Kelima.

Kini kita sudah sampai ke penghujung tempoh tersebut. Justeru itu sampailah masanya bagi kita untuk meninjau kembali setakat manakah kemajuan yang telah dicapai dan setakat mana pula pengorbanan-pengorbanan kita telah membuahkan hasil dalam bentuk berbagai kemudahan awam yang bukan sahaja menjadikan hidup kita lebih selesa dan bermakna, tetapi juga kesejahteraan dan ketenteraman awam yang membolehkan kita bergerak dengan bebas dan berusaha dalam berbagai lapangan dengan yakin.

Apa yang kita nikmat sekarang adalah hasil daripada kepimpinan yang jujur dan berusaha semata-mata untuk faedah rakyat. Saya yakin ini tidak akan terlaksana tanpa sokongan serta kerjasama rakyat dari segenap lapisan. Justeru itu Buku Kemajuan Negeri Sabah ini bertujuan untuk mendedahkan secara ringkas segala usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Pendedahan ini akan membolehkan kita memahami usaha dan peranan Kerajaan dalam membangunkan negara dan rakyat supaya rakyat akan terus menyokong dan membantu usaha Kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan seterusnya, khususnya Rancangan Malaysia Keenam yang akan datang.

(DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN)  
KETUA MENTERI SABAH

# SABAH SELAYANG PANDANG

Negeri Sabah terletak di hujung utara Pulau Borneo dan meliputi kawasan seluas 7,371,100 hektar. Negeri ini terletak di antara garis lintang 4°8' hingga 7°22' di utara garis Khatulistiwa dan di antara garis bujur 115°0' hingga 119°15' di timur Greenwich. Secara amnya bolehlah dikatakan muka bumi Sabah bergunung ganang dan boleh dibahagi kepada kawasan-kawasan berikut:

- Tanah datar di sebelah barat yang mengandungi kawasan rendah yang paling luas di Sabah termasuk pulau-pulau berhampiran pantai. Sungguhpun kawasan ini agak sempit tetapi didiami oleh hampir 70% dari penduduk Sabah.
- Banjaran Crocker yang menjalar hampir hampir selari dengan pantai barat dari Teluk Marudu hingga ke sempadan Negeri Sarawak. Banjaran ini letaknya mulai dari 25 kilometer dari pantai. Penduduk kawasan ini sangat sedikit dan kebanyakannya petani yang berpindah randah.
- Tanah datar di sebelah timur yang mengandungi kawasan rendah berpaya dan kawasan-kawasan delta di muaramuara sungai dan pesisir pantai berpasir.

Kira-kira 60.87% atau 4,486,963 hektar dan luas kawasan bumi negeri ini diliputi oleh hutan.

## IKLIM

Iklim Negeri Sabah adalah panas tetapi lembab. Suhu di kawasan-kawasan rendah adalah kira-kira 26.3°C. Suhu mungkin berubah sedikit dari hari ke hari tetapi tidak ada perubahan suhu secara musim. Sukatan air hujan adalah dalam lingkungan 1,730 hingga

5,050 mm setahun dan tertakluk kepada musim-musim tengkujuh yang tidak berapa jelas waktu-waktunya.

Lazimnya angin Monsun Barat (dikenali dengan Monsun Timur Laut di Sabah kerana arah tiupannya) dialami dari Oktober hingga November atau berterusan hingga Februari sementara angin Monsun Timur (Monsun Tenggara di Sabah) bertuip dari Mei hingga Ogos atau berterusan hingga September. Di antara dua musim angin monsun ini ada juga dialami waktu-waktu ribut dan hujan yang lebih singkat. Kelembapan biasanya tinggi terutama di kawasan hutan iaitu antara 70 - 90% dan kadang-kadang boleh mencapai 100% pada waktu malam.

## PENDUDUK

Jika dibanding dengan luas kawasan negeri ini, jumlah penduduknya masih boleh dikatakan kecil. Perangkaan terbaru menunjukkan bahawa bilangan penduduk negeri ini sudah mencapai angka 1.2 juta. Kepadatan purata ialah kira-kira 13 orang satu kilometer.

Pertanian, perhutanan dan perikanan adalah mata pencarian utama penduduk negeri ini. Sektor pekerjaan yang mendatangkan pendapatan tinggi ialah pertanian, pembalakan, perikanan, perkhidmatan kerajaan, perdagangan, perindustrian dan perusahaan bank, sementara sektor tradisional adalah terdiri dari mata pencarian secukup makanan dalam pertanian, penanaman padi, kelapa, kebun kecil getah dan perikanan. Sektor tradisional tidak menghasilkan pendapatan yang lumayan kerana produktiviti rendah disebabkan oleh cara pengusahaan yang ketinggalan zaman, luas kawasan yang tidak ekonomi dan mungkin tidak menggunakan baja dan sebagainya.



### TANAMAN PERTANIAN

Jenis Tanaman	Luas Kawasan (hektar)	Peratus
Kelapa Sawit	160,507	2.18
Koko	159,288	2.16
Getah	83,364	1.13
Kelapa	58,740	0.80
Padi (Sawah/Bukit)	39,468	0.53
<b>JUMLAH</b>	<b>501,367</b>	<b>6.8</b>

### EKONOMI

Setakat ini kekayaan Negeri Sabah bergantung kepada barangan eksport yang sangat sensitif kepada perubahan harga iaitu kayu balak, petroleum, tembaga, koko, kelapa sawit, bahan-bahan pertanian lain dan udang. Ekonomi Sabah yang berorientasikan eksport ini dikuasai oleh kayu balak dan akhir-akhir ini mulai disaingi oleh petroleum.

Sehingga ke awal tahun 80an pembalakan menyumbangkan lebih dari 50% hasil mahsul negeri. Hasil mahsul itu terdiri dari royalti kayu balak dan keluaran hutan-keluarannya lain. Royalti ini memuncak hingga melebihi \$1 billion pada tahun 1980 dan sesudah itu semakin menurun disebabkan oleh resesi dalam pasaran kayu balak antarabangsa.

Sotolah menyedari bahawa pasaran kayu balak sangat mudah terjejas kepada turun naik harga di pasaran dunia, Kerajaan Negeri Sabah yang silih berganti itu cuba sedaya upaya mempelbagaikan ekonomi negeri ini dengan memberikan galakan kepada perusahaan-perusahaan kecil atau besar-besaran supaya ditubuhkan di negeri ini. Walau bagaimanapun, sektor pongilangan belum menunjukkan kemajuan yang membanggakan. Perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa sektor ini hanya meningkat dari 2.3% GDP atau KDNK dalam tahun 1971 kepada hanya 3.9% dalam tahun 1985.

### PERANGKAIAN PERINDUSTRIAN DI SABAH 1968 - 1984

Jenis Perindustrian	Jumlah	Peratus %
Makanan, minuman dan tembakau	64	20.3
Tekstil dan barangan tekstil (termasuk kulit)	4	1.3
Kayu dan barangan kayu (termasuk perabot)	107	34.2
Percetakan dan penerbitan	5	1.6
Kimia dan barangan kimia	45	14.4
Barangan bukan logam	25	8.0
Barangan logam asas	11	3.5
Barangan logam fabrikated	29	9.3
Lain-lain	2	0.8
Hotel	20	6.5
<b>JUMLAH</b>	<b>312</b>	<b>100</b>

Sumber: MIDA

# KEADAAN EKONOMI SABAH 1989 - 1990

Dalam tahun 1988 ekonomi Negeri Sabah dianggap berkembang sebanyak 7.5%. Sumber utama pertumbuhan ekonomi tahun tersebut ialah perbelanjaan awam dan swasta, sementara pertumbuhan sektor eksport mengendur sedikit. Walaupun harga kayu balak memuaskan, pengeluaran kayu balak turun hampir 10% disebabkan bekalan semakin kurang dan pengawalan kuota eksport yang semakin ketat.

Bagi tahun 1989 keluaran negeri ini dijangka meningkat kepada 9.5% dan menyusut kepada 8% dalam tahun 1990. (Lihat jadual).

Pertumbuhan dalam sektor pertanian merosot kepada 11.5% berbanding dengan 25.2% pada tahun 1987. Kemerosotan ini disebabkan oleh susutannya pengeluaran minyak kelapa sawit. Walau bagaimanapun, pengeluaran pertanian keseluruhan dijangka meningkat sebanyak 14.1% dalam tahun 1989 dan kepada 6.3% dalam tahun 1990.

Sektor perhutanan yang ditambah nilai merosot sebanyak 4.5% dalam tahun 1988 dan dijangka terus merosot lagi dalam tahun 1989 dan 1990 kepada kira-kira 4% setahun disebabkan berkurangnya sumber-sumber hutan.

Pertumbuhan perikanan dalam sektor perikanan telah meningkat dari kosong kepada 8.2% dalam tahun 1988, yang mencerminkan pertumbuhan yang sehat dalam industri akuakultur, terutama sekali dalam sektor kecil penternakan udang. Keadaan dijangka meningkat lagi sebanyak 7.5% setahun bagi tahun 1989 dan 1990.

Industri perlombongan yang ditambah nilai meningkat, pertumbuhannya sebanyak

5.3% dalam tahun 1988. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak petroleum dan pemulihan harga tembaga. Sektor perlombongan dijangka akan berkembang sebanyak 4% setahun dalam masa dua tahun yang akan datang.

Sektor yang mengalami pertumbuhan paling pantas ialah industri pengilangan. Dalam tahun 1988 sektor ini tumbuh sebanyak 25% disebabkan oleh kegiatan-kegiatan memproses kayu yang semakin meningkat termasuk pembuatan papan, plywood dan veneer. Bagi tahun 1989 dan 1990 sektor pengilangan akan berkembang lebih pantas lagi pada kadar 27.5% dan 25.5% bagi masing-masing tahun.

Sektor kemudahan meningkat sebanyak 14.0% dalam tahun 1988 yang mencerminkan usaha-usaha giat oleh kerajaan menambah baik kemampuannya membekalkan tenaga elektrik dan air. Disebabkan oleh perbelanjaan awam yang berterusan dalam sektor ini, pertumbuhan dijangka lebih pesat lagi bagi tahun 1989 dan 1990.

Industri pembinaan telah pulih dalam tahun 1988 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 11.7%. Dalam Belanjawan Negeri bagi tahun 1989 Kerajaan Negeri telah menambah perbelanjaan pembangunan untuk menambah lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur. Tahun-tahun 1989 dan 1990 akan mengalami pertumbuhan yang berterusan dalam sektor pembinaan apabila lebih banyak projek dilaksanakan.

Perniagaan borong dan runcit telah bertambah baik dalam tahun 1988 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 8.7%. Bidang ini dijangka akan lebih berkembang lagi dalam tahun 1989 dan 1990 kerana keyakinan para pengguna.



Pasaran harianah mulai pulih dalam tahun 1988 disebabkan adanya kemungkinan keadaan ekonomi pulih semula. Pendapatan keluarga yang lebih tinggi telah menimbulkan keinginan memiliki rumah kediaman. Selain dari itu kadar pinjaman yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan sekarang ini lebih menarik. Walau bagaimanapun, sektor hartanah komersial masih lagi dalam keadaan lembab.

Pelaburan swasta meningkat sebanyak 11.4% dalam tahun 1988 setelah menurun selama dua tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam pelaburan industri berasaskan kayu kerana keperluan import untuk kayu bergedgi dan barangan kayu yang lain terus menerus teguh dalam tahun 1988. Pelaburan sektor swasta dijangka akan meningkat lagi sebanyak 19% dalam tahun 1990.

Pelaburan awam meningkat tinggi sebanyak 18.4% dalam tahun 1988. Perbelanjaan pembangunan negeri meningkat sebanyak 42.4% kepada \$302.9 juta dalam tahun 1988. Disebabkan oleh peningkatan yang agak banyak dalam peruntukan perbelanjaan, pembangunan bagi tahun 1989 dijangka meningkat

sebanyak 34% tetapi akan bergerak lebih perlahan dalam tahun 1990 disebabkan oleh pengurangan hasil mahsul kerajaan bagi tahun tersebut.

Pendapatan eksport bagi tahun 1988 dianggarkan mencapai \$6,665.8 juta atau 3% lebih tinggi dari tahun lalu disebabkan oleh harga barang yang lebih baik kecuali harga petroleum mentah dan koko. Disebabkan oleh permintaan luar yang kuat dan keadaan harga yang meningkat bagi kebanyakan barangan kecuali koko, maka dianggarkan bahawa jumlah hasil eksport akan meningkat kepada \$7.3 billion atau 9.4% dalam tahun 1989 dan \$7.5 billion atau 3% dalam tahun 1990.

Import Sabah (tidak termasuk perkhidmatan) dalam tahun 1988 berjumlah \$4,122.9 juta, satu pertambahan sebanyak 14.3% berbanding tahun lalu. Pertambahan paling besar ialah dalam import bahan-bahan kimia (\$127.5 juta atau 32.7%) diikuti oleh bahan makanan (\$114.9 juta atau 23.3 peratus) dan barangan kilang (\$80.6 juta atau 12.8 peratus). Dijangka jumlah import akan meningkat kepada 9 peratus dalam tahun 1989 dan meningkat lagi 3 peratus dalam tahun 1990.



Kayu balak - sumber utama ekonomi negeri Sabah



*Industri pengilangan merupakan sektor ekonomi yang mengalami pertumbuhan paling pantas dari tahun 1986 hingga 1990 terutama sekali pengilangan yang berasaskan kayu kayan.*

Sabah mencatat \$2.69 billion lebih dagangan dalam tahun 1988, merosot 6.3% dari tahun lalu. Ini disebabkan oleh kos import lebih tinggi berbanding dengan peningkatan yang hanya sedikit dalam pendapatan eksport. Lebih dagangan bagi tahun 1989 dianggap sebanyak \$2.89 billion disebabkan oleh jumlah eksport yang lebih tinggi. Bagi tahun 1990, lebih dagangan dijangka akan meningkat sedikit kepada \$2.95 billion.

Indeks harga pengguna bagi Sabah meningkat sebanyak 1.8% bagi tahun 1988. Peningkatan harga barang-barang adalah disebabkan oleh turunnya nilai ringgit. Dijangka bahawa indeks harga pengguna akan terus meningkat kira-kira 4.5% dalam tahun 1989 disebabkan ringgit Malaysia terus lemah dan pengenaan cukai jualan sebanyak 5% ke atas berbagai-bagai jenis barangan pengguna.

Masalah pengangguran nampaknya agak kendur sedikit dalam tahun 1988 dan susut kepada 10.8%. Salah satu penyebab utama pengangguran di Sabah ialah tidak

ada keseimbangan di antara kelayakan siswazah dan lepasan sekolah dengan peluang-peluang pekerjaan. Dalam pada itu peluang pekerjaan di bandar terlalu kurang sedangkan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar berlebih-lebihan. Dijangka bahawa kadar pengangguran akan terus berada di angka 10% dalam tahun 1990.

Kedudukan hasil mahsul negeri telah bertambah baik dalam tahun 1988. Dengan peningkatan sebanyak 6.7 peratus kepada \$1,506.7 juta (tidak termasuk \$245.3 juta Pinjaman Persekutuan) ia merupakan hasil mahsul tahunan yang kedua paling tinggi dalam sejarah kewangan negeri ini.

Royalti dan pembayaran dari hasil hutan masih merupakan penyumbang utama kepada hasil mahsul negeri dan menyumbang kira-kira 60% dari jumlah penuh hasil mahsul. Hasil mahsul kerajaan bagi tahun 1989 dan 1990 dijangka merosot sedikit kepada \$1,314.12 juta dan \$1,306.99 bagi masing-masing tahun.

*(Dipetik dari Berita IDS No.4 Vol.1)*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR, SABAH MENGIKUT KEGIATAN EKONOMI**

Keluaran Dalam Negara Kasar (pada harga tetap)	1986	1987	1988	1989	1990
	Pencapaian		Ramalan		
1. Pertanian dan Ternakan (\$ juta)	1048.6	1313.1	1464.7	1670.9	1775.6
Kadar Pertumbuhan	18.8%	25.2%	11.5%	14.1%	6.3%
2. Perhutanan dan Pembalakan (\$ juta)	799.9	995	950.0	910.8	874.4
Kadar Pertumbuhan	8.8%	24.4%	4.5%	4.1%	4.0%
3. Perikanan (\$ juta)	113.4	113.4	122.7	132.0	141.9
Kadar Pertumbuhan	2.8%	0.0%	8.2%	7.6%	7.5%
4. Perlombongan (\$ juta)	1020.7	1068.6	1124.8	1170.2	1217.4
Kadar Pertumbuhan	7.7%	4.7%	5.3%	4.0%	4.0%
5. Pengilangan (\$ juta)	273.2	336.1	420.1	535.7	670.7
Kadar Pertumbuhan	15.4%	23.0%	25.0%	27.5%	25.2%
6. Elektrik Gas dan Air (\$ juta)	50.6	54.3	62.4	73.8	92.2
Kadar Pertumbuhan	3.3%	7.3%	14.9%	18.3%	24.9%
7. Pembinaan (\$ juta)	270.6	212.3	237.2	274.2	313.0
Kadar Pertumbuhan	3.6%	21.5%	11.7%	15.6%	14.2%
8. Perdagangan Borong dan Runcit (\$ juta)	447.6	466.8	507.6	580.4	670.1
Kadar Pertumbuhan	11.3%	4.3%	8.7%	14.3%	15.5%
9. Restoran dan Hotel (\$ juta)	54.2	58.1	66.8	77.8	87.5
Kadar Pertumbuhan	9.1%	7.2%	15.0%	16.5%	12.5%
10. Perkhidmatan (\$ juta)	995.2	1035.7	1120.5	1225.9	1350.3
Kadar Pertumbuhan	0.2%	4.1%	8.2%	9.4%	10.1%
KDNK sebenar (\$ juta)	5074.1	5654.1	6077.7	6652.8	7194.2
Kadar pertumbuhan	2.45%	11.42%	7.49%	9.46%	8.14%

Sumber: Perangkaan Tahunan

# INFRASTRUKTUR

Ekonomi negeri Sabah semasa mencapai kemerdekaan tidak berkembang maju disebabkan oleh berbagai kekurangan dalam infrastruktur pengangkutan, perhubungan dan kemudahan-kemudahan awam.

Setelah kemerdekaan dicapai kerajaan telah menjadikan pembangunan infrastruktur sebagai perkara paling penting dalam rancangan-rancangan pembangunan negara amnya dan negeri Sabah khasnya. Pada masa itu telah disedari bahawa pembangunan sistem pengangkutan yang cekap dan bersepadu amat penting untuk kejayaan pertumbuhan ekonomi dan integrasi sosial. Demikian juga, penyediaan kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik merupakan keperluan asas untuk meningkatkan taraf hidup penduduk bandar dan luar bandar.

## PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

Satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik adalah amat penting bagi Sabah kerana kedudukannya yang agak jauh dari kebanyakan negara perindustrian dan pusat-pusat penduduknya terpisah di antara satu sama lain oleh rupa bumi yang bergunung ganang dan kawasan hutan belantara yang luas. Pada masa lalu sistem jalanraya yang sangat daif menyebabkan ekonomi negeri ini tidak sepadu dan mewujudkan pasaran-pasaran kecil yang terpisah di antara satu sama lain. Menyedari akan hakikat ini, maka kerajaan telah menjadikan pembangunan sistem pengangkutan dan perhubungan sebagai matlamat utama dalam semua rancangan pembangunan lima tahun di Sabah.

Dari sejak Rancangan Malaysia Pertama untuk Sabah, keutamaan telah diberikan kepada pengelompokan sistem komunikasi melalui:

Pembinaan dan penyempurnaan hubungan jalan raya di antara pusat-pusat penduduk. Dengan cara ini para pengeluar hasil akan dapat memasarkan hasil mereka; rakyat akan mendapat bekalan dan perkhidmatan, kawasan-kawasan pertanian baru dapat didatangi dan dimajukan di samping hubungan komunikasi di antara bandar-bandar dan pusat-pusat penduduk menjadi lebih licin dan sempurna.

Pembangunan hubungan telekomunikasi dalam dan luar negeri;

Peningkatan mutu lapangan terbang dan peluasan bagi perkhidmatan hubungan udara dalam negeri ataupun luar negeri; dan;

Pembinaan pelabuhan-pelabuhan.

Komitmen kerajaan dalam meningkatkan mutu sistem pengangkutan dan perhubungan di negeri ini dapat dilihat dari perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan awam sejak Rancangan Malaysia Pertama. Jadual I menunjukkan bahawa pengangkutan dan perhubungan yang termasuk dalam sektor perkhidmatan sentiasa diperuntukkan lebih dari 32% dari keseluruhan perbelanjaan pembangunan dari sejak Rancangan Malaysia Pertama. Sebagai bandingan, sektor utama pada keseluruhannya hanya mendapat 29% daripada keseluruhan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Pertama. Jumlah tersebut turun kepada 19% bagi Rancangan Malaysia Keempat.

Pada hari ini Sabah boleh berbangga kerana telah mencapai kemajuan besar dalam bidang pembangunan pengangkutan dan perhubungan.

## JALAN RAYA

Pada ketika kemerdekaan dicapai dalam tahun 1963 panjang jalanraya yang terdapat di Sabah sama ada jalan tar, jalan batu kelikir atau jalan tanah merah hanyalah 719 Km sahaja. Pada tahun 1986, jumlah tersebut meningkat kepada 6,712 km. Pada masa ini semua bandar utama dihubungkan di antara satu dengan lain oleh empat batang lebuhraya iaitu Lebuhraya Timur-Barat yang menghubungkan Kota Kinabalu dan Sandakan, Lebuhraya Pantai Barat yang menghubungkan Kudat, Kota Kinabalu dan Sindumin, Lebuhraya Pantai Timur yang menghubungkan Tawau, Lahad Datu dan Sandakan dan Lebuhraya Pedalaman yang menghubungkan Tambunan, Keningau dan Tenom.

Sungguhpun banyak kejayaan telah dicapai di Sabah dalam pembangunan jalanraya, namun rangkaian jalanraya negeri ini belum lagi memuaskan. Oleh kerana itu Sabah terpaksa bergantung dengan banyaknya kepada hubungan udara dan sedikit sebanyak kepada hubungan keretapi untuk pergerakan penduduk, surat menyurat dan barang-barang.

## LAPANGAN TERBANG

Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu adalah lapangan terbang kedua dalam negara dari segi saiz dan kesibukan penumpang sesudah Lapangan Terbang Antarabangsa di Kuala Lumpur. Terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang disiapkan dalam tahun 1983 mampu mengendali pendaratan pesawat udara besar seperti Boeing 747. Lapangan terbang di bandar-bandar utama yang lain seperti Tawau, Sandakan dan Labuan mampu mengendali pesawat udara Boeing 737.

Barang-barang kargo yang dikendali oleh lapangan terbang-lapangan terbang di Sabah telah meningkat dari 865 tan metrik dalam tahun 1963 kepada 16,413 tan metrik dalam tahun 1986. Begitu juga jumlah

penumpang telah meningkat dari 145,505 kepada 2,089,420 orang dalam tempoh yang sama.

## PELABUHAN

Sehingga tahun 1986 kemudahan-kemudahan pengangkutan laut telah mengalami pembangunan yang sangat pesat. Pada masa ini Sabah mempunyai lapan buah pelabuhan laut yang moden iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Kudat, Semporna dan Labuan. Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan yang disediakan termasuklah kemudahan-kemudahan simpan barang di pelabuhan, pengendalian kargo dengan alat-alat berjentera, pengendalian kargo basah dan kering, perkhidmatan unit load, operasi-operasi bantuan dan keselamatan pelabuhan. Jumlah kargo pelabuhan yang dikendalikan telah meningkat dari 2,613,935 tan metrik dalam tahun 1968 kepada 17,537,176 tan metrik dalam tahun 1986.

## KERETAPI

Sejak zaman pemerintahan Chartered Company keretapi merupakan satu cara pengangkutan yang penting. Dengan penyiapan dan penyempurnaan sistem jalan raya negeri ini, peranan keretapi semakin berkurangan. Namun begitu buat masa ini keretapi masih amat diperlukan oleh penduduk luar bandar dan untuk mengangkut barang-barang berat seperti kayu balak. Oleh kerana itu kerajaan terus berusaha memelihara dan menambah baik keadaan landasan keretapi dan stesen-stesen keretapi di negeri ini.

## TELEKOMUNIKASI

Sejak 27 tahun yang lalu rancangan-rancangan pembangunan telekomunikasi telah juga dilaksanakan untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap. Sebelum perkhidmatan telekomunikasi di Sabah diswastakan dalam tahun 1986, tanggungjawab pembangunan di bidang ini

Mutu jalanraya bandar dan luar bandar sentiasa dipertingkatkan bukan sahaja untuk memberikan kemudahan perjalanan darat yang lebih selesa kepada penduduk tetapi juga untuk membantu pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Pelabuhan Kota Kinabalu, - salah sebuah dari lapan buah pelabuhan laut di Sabah. Kemudahan-kemudahan pelabuhan di negeri ini sentiasa diperbesar dan ditingkatkan untuk menampung pertumbuhan perdagangan yang kian meningkat.



dipikul oleh Jabatan Telekom Malaysia. Sesudah diwastakan perkhidmatan tersebut dikenali dengan nama Syarikat Telekom Malaysia (STM).

Jumlah pengguna telefon terus meningkat tahun demi tahun dari 10,023 orang dalam tahun 1975 kepada 73,316 dalam tahun 1987. Penyediaan alat-alat telefon telah juga meningkat dari 16,506 buah dalam tahun 1973 kepada 83,310 buah dalam tahun 1985 iaitu meningkat sebanyak 5 kali ganda. Perkhidmatan antarabangsa dail terus bermula dalam tahun 1985 dan sejak itu pengguna perkhidmatan ini meningkat kepada 4,559 orang dalam tahun 1987. Perkhidmatan ATUR diperkenalkan dalam bulan Mac 1985 dan pengguna berdaftar pada tahun 1987 ialah 1,732 orang.

### PERKHIDMATAN POS

Perkhidmatan Pos adalah sebahagian dari infrastruktur penting bagi negara ini, sebagai penghubung dan alat memajukan nilai-nilai kebudayaan dan sosial.

Sejak tahun 1975, 13 buah pejabat pos baru telah ditubuhkan di kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar. Selain dari itu 50 buah wakil pos telah juga ditubuhkan di kampung-kampung dan kawasan-kawasan terpencil di negeri ini. Walaupun tidak dapat perangkaan mengenai jumlah surat masuk dan keluar dari negeri ini, hasil dari penjualan setem pos boleh menjadi ukuran. Hasil penjualan setem pos ialah \$2.6 juta dalam tahun 1973 dan \$5.7 juta dalam tahun 1985.

### JABATAN KAJICUACA

Matlamat dasar Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia ialah memberikan perkhidmatan kajicuaca yang cekap terutama sekali dalam bidang penerbangan awam, pembangunan ekonomi, pendidikan dan penyelidikan.

Jabatan Kajicuaca Sabah diwujudkan selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Sejak itu

stesen-stesen kajicuaca di Labuan, Tawau dan Kudat telah diadakan. Kerajaan sedang meneruskan usaha-usaha melaksanakan berbagai usaha di negeri ini seperti pembinaan stesen-stesen kajicuaca, rumah kakitangan, stesen kajian gempabumi dan radar amaran taufan.

### KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM

Pembangunan kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan elektrik, bekalan air, pembentungan najis dan perparitan bandar telah membantu pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat.

Jadual I menunjukkan bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua perbelanjaan kerajaan ke atas elektrik dan air berjumlah hanya 6 hingga 8 peratus dari kesemua perbelanjaan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan dalam sektor ini telah meningkat empat kali ganda dalam Rancangan Malaysia Keempat terutama sekali sebagai memenuhi kehendak penduduk dan perindustrian di kawasan bandar dan luar bandar. Sebahagian besar dari perbelanjaan tersebut adalah untuk pembinaan stesen hidro-elektrik dan projek-projek elektrik luar bandar.

Hasilnya, pertumbuhan purata bagi kemampuan penjana (15 peratus) unit digunakan (12 peratus) dari tahun 1963 - 1986 adalah tinggi dan mencerminkan peningkatan taraf hidup sebahagian besar dari penduduk.

Kemajuan dalam penyediaan bekalan air boleh dilihat dari penambahan peratusan penduduk yang mendapat bekalan air iaitu 14.2 peratus dalam tahun 1963 kepada 45.2 peratus dalam tahun 1986. Jumlah penggunaan air bagi tempoh tersebut meningkat dari 3.3 juta gelen sehari kepada 35.9 juta gelen sehari.

Pencapaian besar telah juga dicapai dari tahun 1970 hingga tahun 1985 dalam bidang pembangunan sistem pembentungan najis yang termasuk pembinaan sistem pembentungan najis di lima buah bandar. Kolam oksidasi dan sistem membersihkan air tandas



Bangunan Ibu Pejabat Pos di Kota Kinabalu, salah sebuah dari bangunan pejabat kerajaan yang baru disiapkan untuk memberikan kemudahan perkhidmatan yang lebih selesa dan cekap.

**PERATURAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN AWAM  
UNTUK SABAH 1966 – 1988**

	1966-70	19	1976-80	1981-85
1. Asas	29	18	19	19
2. Perindustrian*	1	6	2	2
3. Perkhidmatan	70	76	79	79
– Pengangkutan	31	38	32	33
– Perhubungan	4	7	4	N
– Elektrik & Air	6	8	15	24
– Pelajaran & Latihan	4	6	9	6
– Perubatan & Kesihatan	3	2	2	1
– Sosial & Masyarakat	5	T	T	12
– Pentadbiran Am	T	4	5	3
– Keselamatan	10	4	5	N/A
	<u>100</u>	<u>100</u>	<u>100</u>	<u>100</u>





*Pintu Air di Teluk Likas ini adalah sebahagian dari Skim Pengawalan banjir Kota Kinabalu. Skim yang menelan belanja \$30 juta ini termasuk kerja-kerja meluaskan Sungai Inanam dan Likas, pemasangan pam air di muara sungai, parit-parit konkrit dan pintu air penghalang banjir. Projek yang sudah hampir siap ini dijangka akan dapat mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Kota Kinabalu.*

telah juga disiapkan di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Kemajuan-kemajuan besar yang dicapai sejak tahun 1970 dalam pembangunan perparitan bandar termasuklah pembinaan parit-parit konkrit di Kota Kinabalu dan juga parit simen di lapan buah bandar untuk menambah baik sistem pengaliran air banjir.

Selain dari itu kerajaan telah juga menyiapkan dua buah terusan pempuangan air iaitu di Sandakan dan Tawau untuk mencegah banjir.

#### **TAHAP PENCAPAIAN**

Menurut Perlembagaan Malaysia, tanggungjawab menyediakan infrastruktur di negeri ini terletak di tangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kedua-dua kerajaan saling membantu dalam pembiayaan projek-projek infrastruktur negeri ini.

Sejak mencapai kemerdekaan 27 tahun yang lalu, banyak yang telah dicapai dalam bidang pembangunan infrastruktur. Walau bagaimanapun jika dibanding dengan kemajuan yang dicapai oleh negeri-negeri di Semenanjung, Sabah masih jauh ketinggalan. Misalnya bagi tahun 1985 hanya 33% daripada keseluruhan rangkaian jalan raya di negeri ini yang ditar sedangkan purata kebangsaan ialah 66%. Jika dikira pula perbandingan jalan raya bagi setiap

kilometer kawasan tanah, Sabah menduduki nombor dua dari bawah bagi seluruh Malaysia. Pembekalan air paip luar bandar di seluruh negeri hanyalah 18 peratus dari penduduk sedangkan purata kebangsaan ialah 43%. Kebanyakan kemudahan lapangan terbang negeri ini ketinggalan 10 hingga 15 tahun di belakang Semenanjung kerana kebanyakan landasan kapal terbang negeri ini belum berubah sejak selepas Perang Dunia Kedua.

#### **BELANJAWAN 1989/1990**

Untuk terus meningkatkan kemudahan infrastruktur di negeri ini, kerajaan telah memperuntukkan Kementerian Perhubungan dan Kerja Raya sebanyak \$276.8 juta bagi tahun 1989 dan \$395.1 juta bagi tahun 1990 untuk perbelanjaan pembangunan di samping peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Peruntukan Kerajaan negeri itu merupakan 60.4 peratus dari 54.8 peratus daripada jumlah \$458 juta dan \$720.7 juta untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun-tahun berkenaan. Peruntukan yang sangat besar ini menunjukkan keutamaan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur sebagai satu syarat atau keperluan untuk mencapai kemajuan ekonomi.

*Dipetik dari Berita IDS Vol. 4 No. 1 keluaran Jan./Feb. 1989.*

# ELEKTRIK

Lembaga Letrik Sabah atau ringkasnya LLS adalah sebuah badan berkanun persekutuan yang memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan tenaga elektrik yang semakin meningkat sejajar dengan pembangunan pesat Negeri Sabah.

## SEBELUM MERDEKA

Sebelum Perang Dunia Kedua bekalan elektrik di negeri ini hanya terdapat di tiga buah kawasan iaitu Sandakan, Kota Kinabalu dan Labuan. Hanya pada tahun-tahun 1940an barulah stesen-stesen elektrik luar bandar mula didirikan secara berperingkat-peringkat seperti di Beaufort, Kudat, Papar, Tawau dan Tenom yang diusahakan oleh pihak swasta. Mulai tahun 1951 Jabatan Kerja Raya telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk membekal tenaga elektrik di Sabah.

Pada 1 Januari 1957 North Borneo Electricity Board telah ditubuhkan di negeri ini dan dalam tahun 1958 sebanyak 3 buah stesen lagi telah dibuka iaitu di Tawau, Lahad Datu dan Keningau. Pada akhir tahun lima puluhan beberapa buah stesen yang dahulunya diusahakan oleh pihak swasta telah diambilalih oleh North Borneo Electricity Board.

## SESUDAH MERDEKA

Setelah Sabah merdeka, North Borneo Electricity Board telah ditukar namanya kepada Sabah Electricity Board yang kemudiannya dikenali sebagai Lembaga Letrik Sabah.

Stesen-stesen di Kota Kinabalu dan Sandakan telah diperbesar dan ditambah keupayaan terpasangnya bagi menampung permintaan bekalan elektrik yang meningkat dengan pesatnya terutama sekali di kawasan-kawasan perindustrian.


Pembangunan bekalan elektrik di luar bandar juga telah terus dititikberatkan oleh kerajaan demi meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar. Beberapa buah stesen kecil telah didirikan di kawasan-kawasan pedalaman. Dari tahun 1979 hingga 1980 peruntukan untuk projek-projek ini diperolehi daripada dua sumber iaitu 2/3 daripada Kerajaan Persekutuan dan 1/3 daripada Kerajaan Negeri. Semenjak tahun 1983 Kerajaan Persekutuan telah menampung sepenuhnya perbelanjaan projek-projek elektrik di luar bandar.

Tahun 1980an adalah merupakan satu era baru dalam perkembangan pembekalan elektrik di negeri ini. Fasa I dan II Stesen Janaelektrik Hidro Tenom Pangi yang di-lancarkan pada tahun 1980 dengan keupayaan terpasang 66 megawatt (MW) mula beroperasi pada tahun 1984. Stesen Janaelektrik Hidro Tenom Pangi ini adalah merupakan yang pertama di Sabah. Pencapaian ini menunjukkan kejayaan Lembaga Letrik Sabah dalam membekalkan tenaga elektrik di negeri ini dengan menggunakan kuasa hidro untuk menjana tenaga elektrik.

Bilangan pengguna elektrik sehingga bulan Jun 1988 ialah 140,017. Manakala bilangan unit dijual sehingga bulan Disember 1987 ialah 660,420,444 kilowatt-jam (kwj). Dari segi pertumbuhan stesen pula, stesen-stesen besar telah meningkat kepada 7 buah, stesen kecil 19 buah dan stesen-stesen luar bandar sebanyak 20 buah.

## MENUJU KE ABAD DUA PULUH SATU STRATEGI JANGKA PANJANG

Bagi memenuhi penambahan permintaan bekalan elektrik dalam Rancangan Malaysia Kelima, keupayaan penjana kuasa elektrik negeri ini sedang giat dipertingkatkan.



*Salah sebuah stesyen pencawang Lembaga Listrik Sabah*

Strategi jangka panjang perancangan pembangunan tenaga LLS akan melibatkan penggunaan pelbagai sumber tenaga yang lain seperti gas asli, arang batu dan kuasa hidro. Di Wilayah Persekutuan Labuan, gas asli telah digunakan dalam janaelektrik "combined cycle" oleh Sabah Gas Industries (SGI). LLS juga bercadang menggunakan sumber gas asli dalam menjana tenaga elektrik bagi stesen Janakuasa Teluk Sepanggar.

### FASA III TENOM-PANGI

Satu sistem penjanaan yang merangkumi Projek Tenom-Pangi Fasa III, Empangan Sook sedang dirancang. Pelaksanaan Projek Empangan Sook adalah bertujuan untuk mengawal pengaliran air di Stesen Janakuasa Tenom-Pangi Fasa I dan II jenis "run-off-river" pada musim kemarau. Kawalan tersebut memungkinkan pemasangan loji hidro elektrik Fasa III yang berkeupayaan 2 x 22 MW di Tenom-Pangi dan 1 x 20 MW di Empangan Sook. Dalam pada itu, LLS juga sedang dan akan membuat kajian kemungkinan bagi beberapa projek hidro lain. Misalnya, kajian kemungkinan projek hidro Liwagu sedang giat dilaksanakan dan bagi projek hidro Hulu Padas pula, kajian prakemungkinan dijangka akan dimulakan tidak berapa lama lagi.

### HIDRO MINI

Setakat ini sebanyak 14 tapak hidro mini telah dikenalpasti. Dua belas daripadanya sedang dalam beberapa peringkat pembinaan yang mana 5 darinya dijangka akan mula beroperasi tidak lama lagi. Sebagai tambahan sebanyak 9 rancangan hidro mini lagi dijangka akan dibina dalam jadual pelaksanaan jangka panjang untuk menggunakan sepenuhnya sumber tenaga asli yang ada.

### RANGKAIAN GRID

Pelancaran Stesen Hidro Tenom-Pangi adalah merupakan detik permulaan dalam perancangan jangka panjang LLS ke arah

penubuhan Rangkaian Grid. Tenaga kuasa elektriknya sebanyak 132 kilovolt (kv) dirangkaikan sejauh 110 kilometer di Pantai Barat Sabah melalui stesen-stesen Beaufort, Papar, Penampang dan Kota Kinabalu. Telah juga dicadangkan supaya sistem penghantaran 132 kv ini disalurkan ke Tenom dan Keningau. Sementara itu sistem penghantaran 66 kv dari stesen Janakuasa Kota Kinabalu akan diperluaskan ke Tuaran hingga ke Tamparuli.

Untuk mempergunakan sepenuhnya tenaga elektrik dari SGI Labuan, sistem penghantaran kabel dasar laut (2 x 77 MW) 132 kv telah dicadangkan untuk digabungkan dengan keupayaan janakuasa di tanah besar Sabah.

Seterusnya, untuk menyempurnakan Rangkaian Grid Pantai Barat Sabah, tenaga elektrik 132 kv dari Kota Kinabalu akan disalurkan ke Kota Belud hingga ke Kudat. Sekiranya pembinaan Stesen Hidro Elektrik Liwagu terlaksana, LLS bercadang untuk memperluaskan lagi Rangkaian Gridnya dari Pantai Barat hingga ke Tawau melalui Sandakan dan Lahad Datu. Dengan itu semua loji-loji LLS di Sabah akan digabung dan dirangkaikan dalam satu sistem grid yang besar, seluruh negeri.

### RANCANGAN SELANJUTNYA

Satu projek raksaksa sedang dirancang oleh tiga buah badan elektrik dalam negara iaitu Lembaga Elektrik Sabah, Lembaga Elektrik Negara dan Perkhidmatan Pembekalan Elektrik Sarawak untuk menggabungkan ketiga-tiga sistem bekalan elektrik dalam satu sistem seluruh negara. Hasil dari projek itu, adalah diramalkan bahawa Sabah akan menikmati bekalan tenaga elektrik 475MW. Anak kunci kepada projek raksaksa ini ialah Projek Hidro Bakun di Sarawak. Sistem grid seluruh negara ini jika berjaya dilaksanakan, akan mampu membekalkan tenaga elektrik kepada seluruh pelusuk bandar dan desa.

# AIR

Air adalah sumber utama dalam kehidupan manusia. Di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia, proses pembekalan air untuk pelbagai keperluan perlu dipertingkatkan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar di mana kebanyakan penduduknya tidak mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

Bekalan air yang bersih mendatangkan berbagaibagai faedah dari segi sosio-ekonomi. Ia juga merupakan satu unsur penting dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan kerana air yang bersih bukan sahaja dapat menjamin kesihatan tetapi juga dapat mempengaruhi peningkatan produktiviti.

Di negara kita, kerajaan dari masa ke semasa berusaha untuk memberikan bekalan air yang bersih dan mencukupi kepada semua penduduk, melalui rancangan-rancangan pembangunan seperti Rancangan Lima Tahun Malaysia.

## FUNGSI

Jabatan Air Sabah adalah jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembekalan air di negeri ini. Ia menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:-

Membekalkan air yang bersih ke seluruh negeri ini dan memastikan bekalan air mencukupi serta terhindar daripada kuman pembawa penyakit dan memastikan semua penduduk mendapat bekalan air yang cukup, sesuai dengan keperluan asas seharian.

Menjalankan perancangan, mereka dan melaksanakan projek-projek pembangunan bekalan air yang baru untuk memenuhi keperluan air pada masa depan bagi semua lapisan penduduk di negeri ini, termasuk kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan perindustrian dan perdagangan.

Mengendali dan menyelenggara kesemua sistem bekalan air yang sedia ada di negeri ini.

Memberi khidmat nasihat kepada jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan, majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah berkenaan hal-hal teknik pembekalan air.

## MATLAMAT


Pertubuhan-pertubuhan yang semakin meningkat di negeri ini diambil kira sebagai faktor penentu untuk menambah baik dan meluaskan sistem bekalan air terutamanya ke kawasan-kawasan perusahaan dan perindustrian di mana kadar pertumbuhan penduduk adalah tinggi.

Di samping itu, Jabatan Air Sabah dari masa ke semasa menambah dan memperbaiki sistem saluran paip ke kawasan luar bandar dan memastikan 55% daripada penduduk luar bandar mendapat bekalan air yang sempurna menjelang tahun 1990.

Pada tahun 1985, penduduk negeri ini meningkat dua kali ganda dan permintaan terhadap bekalan air juga turut meningkat. Daripada jumlah penduduk seramai 1,280,000 orang, 52% atau 669,000 orang mendapat perkhidmatan bekalan air.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990), kerajaan memberikan perhatian penuh terhadap pertambahan penduduk dan membuat kajian yang terperinci agar semua penduduk di negeri ini mendapat faedah daripada bekalan air yang akan diusahakan oleh kerajaan.

Mengikut banci yang dibuat oleh Jabatan Air, penduduk Sabah akan mengalami pertumbuhan sebanyak 19% dan dianggarkan menjelang tahun 1990 penduduk Sabah meningkat 1,517,000 orang.



*Loji Penapis Air Telibong di Telipok. Loji ini mampu membekalkan air paip untuk Kota Kinabalu dan Tuaran sehingga tahun 2000.*



**PERATUS DAN BILANGAN PENDUDUK YANG DISEDIAKAN BEKALAN AIR DALAM RML (1986-1990)**


Bilangan Penduduk 1985	Bilangan Penduduk 1990
1,280,000 orang	1,517,000 orang
55%	67%
669,000	1,009,000

Jumlah Pertambahan Penduduk: 237,000 (+19%)  
 Jumlah Pertambahan Pengguna: 340,000 (+51%)

Sumber: Jabatan Air Sabah

**PERATUS DAN BILANGAN PENDUDUK KAWASAN BANDAR YANG DISEDIAKAN BEKALAN AIR DALAM RML**

**KAWASAN LUAR BANDAR**



Pertambahan Penduduk Luar Bandar: 137,000 (+14%)  
 Pertambahan Pengguna Luar Bandar: 240,000 (+64%)

Mengendalikan Dan Menyelenggarakan Kesemua Sistem Bekalan Air Yang Sedia Ada Di Negara Ini:

**KAWASAN BANDAR**



Pertambahan Penduduk Bandar: 100,000 (+34%)  
 Pertambahan Pengguna Bandar: 100,000 (+34%)

Sumber: Jabatan Air Sabah

**PENGUNAAN AIR**

Permintaan yang meningkat terhadap bekalan air mempengaruhi peningkatan penggunaan air dari masa ke semasa.

Pada tahun 1970, jumlah penggunaan air melebihi jumlah bekalan. Air yang digunakan dalam sehari adalah sebanyak 30.9 juta liter dan jumlah pengeluaran air hanya 29.1 juta liter.

Pada tahun-tahun seterusnya masalah kekurangan bekalan air ini telah dapat diatasi. Pada tahun 1985, jumlah bekalan air meningkat kepada 250 juta liter sehari sementara penggunaan air sebanyak 180 juta liter sehari. Pada tahun 1990 Jabatan Air Sabah dijangka akan dapat membekalkan sebanyak 435 juta liter air sehari.

**BAYARAN**

Mengikut Ordinan Jabatan Air, kadar harga yang dikenakan bagi bekalan air kepada pengguna-pengguna adalah berasaskan kepada kuantiti paling minima yang digunakan oleh mereka. Tujuannya ialah untuk membolehkan mereka membayar bil air terutamanya bagi pengguna yang berpendapatan rendah.

Kadar bayaran air yang dikenakan sekarang adalah kira-kira 90 sen bagi 1,000 liter dan merupakan bayaran yang paling minima.

Di Sabah, untuk meringankan beban para pengguna, Jabatan Air telah menyediakan format pembayaran air di mana bagi mereka yang berpendapatan rendah bayaran bulanan untuk bekalan air dianggarkan sebanyak \$16.00 sebulan.

**RANCANGAN MASA DEPAN**

Beberapa projek bekalan air sementara yang menelan belanja yang tinggi yang dimulakan pada pertengahan tahun 1988 di Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu dijangka siap menjelang tahun 1989 untuk mengurangkan masalah kekurangan air.

# KESIHATAN

Semenjak merdeka 27 tahun yang lalu, banyak kemajuan infrastruktur dan kemudahan perubatan telah dapat diberikan kepada rakyat negeri Sabah. Kemajuan dalam pembinaan jalanraya telah dapat menghubungkan kawasan-kawasan yang dahulunya sukar dihubungi dan ini telah membantu usaha kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat khususnya penduduk luar bandar.

Kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah telah berusaha bersungguh-sungguh meninggikan taraf kesihatan rakyat terutamanya di luar bandar supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang sempurna selaras dengan seruan Pertubuhan Kesihatan Se-Dunia (WHO), "Health For All For By The Year 2000".

Sehingga tahun 1986 negeri Sabah mempunyai tiga buah hospital besar iaitu di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan, 12 buah hospital daerah, dan sebuah hospital pesakit jiwa di Bukit Padang, Kota Kinabalu.

Namun begitu, masih terdapat sembilan buah daerah lagi iaitu Penampang, Kuala Penyu, Tuaran, Kota Marudu, Pitas, Sipitang, Pensiangan, Labuk Sugut dan Kinabatangan yang belum menikmati kemudahan hospital.

Untuk menampung kekurangan ini, kemudahan kesihatan yang lain juga disediakan seperti 17 Pusat Kesihatan, 65 Dispensari, 1 Poliklinik, 7 Klinik Pergigian, 54 Klinik Pergigian Sekolah dan 210 VGSC (Klinik Desa). Di samping itu, 42 Dispensari Bergerak, 7 Klinik Pergigian Bergerak dan 2 Pasukan Perkhidmatan Doktor Udara juga diwujudkan.

Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah melaksanakan enam buah program dalam usahanya memberikan kemudahan kesihatan

kepada masyarakat di negeri ini iaitu program Pentadbiran, Kesihatan Awam, Rawatan Perubatan Rawatan Pergigian, Latihan dan Perancangan Manusia serta Program Farmasi dan Bekalan.

## PROGRAM PENTADBIRAN

Program ini bertujuan mengurus pentadbiran kakitangan dan kewangan secara cekap bagi menentukan kejayaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang bermutu kepada rakyat.

## PROGRAM KESIHATAN AWAM

Untuk meningkatkan taraf kesihatan orang ramai, program Kesihatan Awam dilaksanakan menerusi aktiviti kesihatan diri, alam sekeliling, pengawalan penyakit berjangkit, pentadbiran kesihatan dan pelajaran kesihatan.

8 Unit Kesihatan Kawasan diwujudkan di seluruh negeri yang mengandungi 2 hingga 3 buah daerah pentadbiran dan diketuai oleh seorang pegawai perubatan kesihatan.

Program Kesihatan Ibu dan Anak dijalankan supaya ibu-ibu dan bayi mereka terhindar daripada sebarang penyakit yang boleh menyebabkan kematian ibu atau kecacatan bayi.

Tayangans slaid dan filem, dialog serta ceramah kesihatan diadakan di kampung-kampung di pedalaman untuk mendedahkan mereka kepada kepentingan menjaga kesihatan dan pencegahan penyakit agar mereka menikmati kehidupan yang lebih sihat. Risalah dan buku kesihatan juga diedarkan supaya maklumat kesihatan yang lebih luas dapat disebarkan kepada mereka.

Kemudahan kesihatan seperti tandas curah dan bekalan air paip graviti juga diadakan di kampung-kampung terpencil.



Bagi menentukan orang ramai mendapat makanan yang bermutu dan berkhasiat, kawalan dijalankan terhadap mutu bahan makanan yang dijual di pasaran tempatan mahupun yang diimport dari luar negeri agar ia bebas daripada sebarang kandungan bahan yang berbahaya kepada kesihatan.

Pelan Kawalan Demam Denggi Berdarah pula dilaksanakan pada 1984 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit dikuatkuasakan untuk mengawal penyakit berjangkit di negeri ini.

Kawalan nyamuk *Aedes Aegypti* dijalankan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang menjadi pintu masuk utama pelancong luar negeri dan di tiga pelabuhan antarabangsa iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau bagi mencegah penyakit demam kuning daripada merebak atau diimport sesuai dengan peraturan antarabangsa Pertubuhan Kesihatan Se-Dunia.

Walaupun Sabah bebas daripada sebarang penyakit berjangkit namun penyakit malaria dan untut (filariasis) masih menjadi masalah utama dan usaha pembasmian penyakit berjangkit akan terus diperkemaskan lagi.

#### **PROGRAM FARMASI DAN BEKALAN**

Program ini adalah untuk memberikan perkhidmatan farmasi kepada orang ramai dan membekalkan ubat serta peralatan perubatan kepada bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Perubatan dan Pergigian dengan kos paling rendah.

Program Farmasi dan Bekalan akan memastikan semua undang-undang berkaitan ubatan dan racun dikuatkuasakan untuk mengelakkan kesan berbahaya kepada masyarakat.

Permohonan lesen dan permit kebenaran mengimport racun akan diproses secara teliti oleh Unit Penguatkuasa farmasi dan pemeriksaan dijalankan terhadap kemasukan racun dan ubatan di pelabuhan, pejabat pos dan Kargo MAS. Serbuan juga dijalankan di kedai-kedai ubat dan penjual ubat di kaki lima yang disyaki melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan.

#### **PROGRAM RAWATAN PERGIGIAN**

Rawatan pergigian kepada orang ramai dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Pergigian menerusi aktiviti pergigian diri, pencegahan pergigian dan pentadbiran pergigian.

Di bawah aktiviti Perkhidmatan Pergigian Sekolah, kanak-kanak berumur 6 hingga 17 tahun diberi rawatan pergigian percuma oleh jururawat pergigian terlatih di Klinik Pergigian Sekolah, Klinik Pergigian Besar atau Anika, Klinik Pergigian Pusat Kesihatan dan oleh Pasukan Pergigian Bergerak.

Perkhidmatan pergigian umum pula menyediakan perkhidmatan pesakit luar (pemeriksaan dan cabutan gigi), Pakar Pergigian, Rawatan Orthodontik, Perkhidmatan Puidontik (rawatan gusi) dan Perkhidmatan Prostetik (gigi tiruan untuk rakyat berpendapatan rendah).

Pelajaran Kesihatan Pergigian dan Kumuran Fluride pula diadakan untuk kanak-kanak sekolah dan persekolahan serta untuk ibu mengandung.

Sebuah loji flourida yang di Sabah telah dibina di Kota Kinabalu pada 1986 dan loji yang sama juga akan dibina di Tawau dan Sandakan dalam usaha memberikan perkhidmatan pergigian yang menyeluruh kepada orang ramai.

#### **PROGRAM PERANCANGAN TENAGA MANUSIA DAN LATIHAN**

Untuk menjamin keperluan tenaga terlatih mencukupi dalam perkhidmatan kesihatan di negeri ini, Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah menjalankan beberapa program latihan dalam negeri untuk doktor pelatih, kejururawatan, pembantu kesihatan luar, pembantu farmasi, jururawat/juruteknik pergigian, pembantu pembedahan pergigian dan juruteknologi makmal perubatan.

Pelatih-pelatih dalam Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah juga dihantar ke Semenanjung Malaysia mengikuti beberapa program latihan kesihatan dan perubatan di sekolah dan institusi perubatan di sana.



*Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu merupakan salah sebuah hospital termoden dalam negara. Hospital ini dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan terbaru untuk menampung keperluan rawatan orang ramai seluruh negeri.*

## PROGRAM RAWATAN PERUBATAN

Usaha Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah menyedarkan orang ramai khasnya penduduk luar bandar terhadap keberkesanan rawatan perubatan moden menerima sambutan yang begitu menggalakkan. Ini berdasarkan kepada jumlah kedatangan pesakit yang semakin bertambah mendapat rawatan di hospital-hospital di seluruh negeri.

Bagi menampung permintaan perkhidmatan perubatan yang semakin meningkat ini, pihak kerajaan telah berusaha meninggikan lagi mutu rawatan di hospital-hospital dan membina hospital baru yang moden.

Pembaikan juga dilakukan kepada bangunan hospital yang lama dan menambahkan kelengkapan peralatan perubatan moden sesuai dengan kehendak perubatan masa dan pertambahan kes-kes penyakit tertentu.

Khidmat rawatan kesihatan dan perubatan diberikan kepada orang ramai menerusi 16 buah hospital termasuk 3 hospital besar iaitu Hospital Queen Elizabeth, Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan Hospital Besar Tawau.

Hospital Duchess of Kent memberikan khidmat perubatan kepada penduduk daerah Sandakan dan kinabatangan yang berjumlah 144,107 orang sementara Hospital Besar Tawau pula memberikan khidmatnya kepada lebih 121,736 orang penduduk Tawau.

Kedua-dua hospital ini menyediakan rawatan perubatan umum, pembedahan am serta *Obstetrics* dan *Gynaecology*. Kedua-duanya juga adalah hospital rujukan bagi kes-kes penyakit tertentu dari hospital daerah Beluran, Lahad Datu dan Semporna.

Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu pula menyediakan khidmat perubatan yang lebih luas dan merupakan hospital terbesar di Sabah. Hospital ini dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang termoden untuk menampung keperluan rawatan orang ramai di seluruh negeri.

Hospital ini adalah hospital rujukan dan rawatan lanjut bagi kes-kes penyakit yang tidak dapat dirawat di hospital lain di negeri ini dan merupakan lambang kemajuan dalam bidang perubatan di Sabah menerusi beberapa kejayaan yang dicapainya dalam bidang perubatan di Malaysia.

# PERTANIAN

Sabah kaya dengan sumber-sumber alam, terutama sekali tanah sesuai untuk pertanian. Oleh kerana itu ekonomi negeri ini masih bergantung kepada sektor pertanian. Lebih 70% daripada penduduknya bermastautin di kawasan luar bandar dan sebahagian besar bergiat dalam pertanian. Sektor pertanian kini merupakan penyerap tenaga kerja yang terpenting dan penyumbang utama kepada penempatan negeri.

Kajian sumber-sumber tanah yang dibuat dalam awal tahun 70 an menunjukkan kira-kira 2.15 juta hektar tanah di negeri ini dikenalpasti sesuai untuk kegiatan pertanian. Sehingga kini kira-kira 0.68 juta hektar sahaja telah diusahakan. Ini bermakna masih terdapat kira-kira 1.47 juta hektar tanah berpotensi untuk diusahakan.

## **POLA GUNATANAH DAN PERKEMBANGANNYA**

Dari kajian gunatanah yang dibuat dalam tahun 1970, dianggarkan 313,520 hektar digunakan untuk kegiatan pertanian, termasuk 43,000 hektar pertanian berpindah-randah di Bahagian Kudat dan Pantai Barat negeri ini. Sejak itu, kelulusan tanah yang diusahakan meningkat dan sehingga tahun 1988 mencapai 685,000 hektar, tidak termasuk keluasan pertanian berpindah-randah.

Sehingga tahun 1970, getah dengan keluasan 117,307 hektar merupakan tanaman yang terluas sekali ditanam di negeri ini, iaitu 37.4% daripada seluruh tanah yang diusahakan untuk pertanian. Tanam-tanaman utama lain ialah kelapa (12.80%), padi (11.98%) dan kelapa sawit (9.96%). Bagaimanapun, sejak itu bukan sahaja keluasan tanah yang diusahakan terus meningkat, malah pola gunatanah juga berubah secara drastik.

Tambahan keluasan tanam-tanaman secara keseluruhan dalam tempoh tahun 1970 hingga tahun 1988 melebihi 400,000 hektar, tidak termasuk pertanian berpindah-randah. Keadaan ini adalah disebabkan meningkatnya keluasan tanaman koko dan kelapa sawit yang mula diperkenalkan oleh kerajaan dalam tahun-tahun 1950 andan 1960 an. Dari segi keluasan, tanaman kelapa sawit bertambah lebih dari tujuh kali ganda, manakala tanaman koko bertambah lebih dari lima kali ganda. Keluasan tanam-tanaman lain seperti getah, kelapa, padi dan lain-lain tidak banyak berubah, malah setengahnya semakin merosot.

## **TANAM-TANAMAN DAN KOMODITI-KOMODITI UTAMA**

Dalam tempoh 15 tahun yang lalu pembangunan pertanian di negeri ini lebih tertumpu kepada penanaman tanam-tanaman kekal, terutama sekali kelapa sawit dan koko. Ini adalah kerana tanah dan iklim di negeri ini adalah sesuai, di samping tersedianya teknologi. Begitu juga, pasaran antarabangsa sangat menggalakkan perkembangan tanaman tersebut.

### **KOKO**

Walaupun tanaman ini diperkenalkan dalam tahun 50'an, perkembangannya di peringkat awal tidak menggalakkan dan tertumpu di Daerah Tawau sahaja. Ini adalah disebabkan harga koko yang rendah ketika itu dan juga anggapan yang keliru bahawa tanah di Daerah Tawau sahaja yang sesuai untuk tanaman ini. Bagaimanapun, dengan adanya "Koko Kacukan Sabah" yang mampu mengeluarkan hasil yang banyak di berbagai jenis tanah dan disertai pula dengan kenaikan harga koko sejak tahun 1976/1977, industri koko telah berkembang dengan pesat. Kini, Sabah menyumbang kira-kira 60-65% daripada pengeluaran koko negara.



*Koko, kelapa dan kelapa sawit merupakan diantara tanaman utama di negeri ini.*

Dari segi keluasan, koko menduduki tempat teratas dalam tahun 1982 diikuti dengan tanaman kelapa dan kelapa sawit, tetapi koko menduduki tempat kedua selepas kelapa sawit dari segi pendapatan eksport. Dalam tahun 1988, keadaannya berubah apabila koko menduduki tempat kedua selepas kelapa sawit dari segi keluasan, tetapi menduduki tempat keempat dari segi pendapatan eksport. Dalam tahun 1988, eksport koko bernilai \$521 juta, lebih 30% daripada pendapatan eksport hasil masyuk pertanian.

Penanaman koko secara komersil pada mulanya dilakukan di ladang-ladang besar. Dalam tahun 60 an pekebun-pekebun kecil yang terlibat dengan penanaman koko adalah amat sedikit. Bagaimanapun, sejak kenaikan harga koko dalam pertengahan tahun 70 an dan dengan adanya bantuan dari kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil, keluasan tanaman koko milik pekebun-pekebun kecil meningkat. Dalam tahun 1988, dari seluruh kawasan tanaman koko, 145,127 hektar adalah di ladang-ladang besar, 25,697 hektar di Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah dan Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan 33,642 hektar milik pekebun-pekebun kecil.

Masa depan industri koko adalah cerah memandangkan meningkatnya permintaan terhadap komoditi ini dari negara-negara maju dan negara-negara berkembang.

Faktor-faktor dalam negeri adalah menggalakkan untuk perkembangan industri ini. Sabah memiliki tanah yang sesuai untuk tanaman koko, terutama di kawasan Labuk Sugut, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak dan Kalabakan. Dengan adanya galakan dari kerajaan, disertai dengan minat yang tinggi yang ditunjukkan oleh pengusaha-pengusaha koko, akan tersedianya bahan-bahan tanaman, koko akan menjadi tanaman yang utama untuk jangka masa yang panjang.

### **KELAPA SAWIT**

Kelapa sawit mula ditanam di negeri ini dalam tahun 50 an. Dari tahun 1963 hingga tahun 1980, keluasan kelapa sawit bertambah kira-

kira 35 kali ganda. Bagaimanapun, sejak itu perkembangannya menurun dengan kadar pertumbuhan kira-kira 20% dari tahun 1980 hingga tahun 1988. Dalam tahun 1988, keluasan tanaman kelapa sawit ialah 250,997 hektar.

Kawasan utama tanaman kelapa sawit ialah di Daerah Sandakan, Tawau dan Lahad Datu.

Walaupun terjadi kejatuhan harga dalam tahun 1986, masa depan industri minyak sawit adalah cerah memandangkan permintaan yang meningkat dari negara-negara maju dan negara-negara membangun. Penemuan baru ini menunjukkan bahawa minyak sawit adalah sumber yang kaya dengan vitamin E dan ini tentu sekali juga mempengaruhi perkembangan industri ini. Penggunaan minyak sayur-sayuran di dunia dijangka akan meningkat dari 57 juta tan (1986) kepada 90 juta tan dalam tahun 2000.

### **GETAH**

Tanaman getah tidak mengalami perkembangan yang menggalakkan sejak tahun 1970. Sebahagian besar tanaman getah yang ada telah ditanam dalam tahun 50 an dan 60 an. Bagaimanapun, sebahagian besar tanaman getah adalah milik pekebun-pekebun kecil yang ditanam di kawasan-kawasan kurang sesuai untuk tanaman ini menyebabkan pengeluaran dan pendapatan yang rendah.

Kini, terdapat kira-kira 27,600 hektar dari seluruh keluasan tanaman getah adalah tanaman getah tua dan kurang produktif. Lembaga Tabung Getah merumpukan usahanya untuk memulihkan semula kawasan ini dengan klon-klon yang mampu mengeluarkan hasil yang banyak.

### **KELAPA**

Sehingga tidak berapa lama dulu tanaman kelapa tidak mendapat perhatian yang wajar. Perkembangannya tidak menggalakkan disebabkan hasil dan harga kopra yang rendah. Dalam tempoh tahun 1970 hingga tahun 1988, keluasan tanaman kelapa hanya bertambah kira-kira 18,939 hektar. Dalam tahun 1988, keluasan tanaman kelapa ialah kira-kira 59,079 hektar.

Setakat ini, lebih 80% daripada keluasan tanaman kelapa adalah milik pekebun-pekebun kecil. Pada tahun 1970, kira-kira 20,000 atau 120,000 orang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri ini.

Purata hasil tanaman kelapa di Sabah adalah rendah, iaitu 1.04 tan kopra sehektar setahun. Usaha kerajaan untuk memulihkan industri ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Daripada 101 buah Skim Kelapa yang dibuka oleh Jabatan Pertanian, hanya 28 buah sahaja masih beroperasi kerana kurang sambutan dari para peneroka.

Walaupun begitu, masa depan industri kelapa nampaknya juga cerah. Perangkaan menunjukkan negeri ini masih mengimport minyak kelapa. Baru-baru ini, telah timbul kembali minat terhadap tanaman ini kerana ia boleh digunakan sebagai tanaman pelindung koko dan tempat memelihara ternakan serta terdapatnya kelapa kacukan yang berupaya menghasilkan sehingga 5 tan kopra sehektar setahun. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Skim Pemulihan Kelapa telah diadakan bertujuan membantu pekebun-pekebun kecil meningkatkan hasil mereka. Untuk menggalakkan perkembangan industri ini, anak-anak benih kelapa kacukan dan baja diberi secara percuma oleh kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil.

## **PADI**

Padi merupakan tanaman makanan utama di negeri ini. Menurut sejaran, negeri ini telah mengimport beras lebih sekurun lamanya.

Usaha kerajaan untuk mengeluarkan beras yang mencukupi keperluan dalam negeri tidak berhasil. Walaupun penyelidikan yang dibuat oleh Jabatan Pertanian telah dapat meningkatkan daya pengeluaran, tetapi peningkatan tersebut tidak seimbang dengan penurunan pengeluaran akibat kemerosotan keluasan tanah padi yang diusahakan serta peningkatan penduduk yang cepat. Akibatnya, negeri ini terpaksa mengimport kira-kira 70% daripada keperluan negeri.

Penanaman padi di negeri ini sampai sekarang hanya diusahakan oleh para petani di kawasan Pantai Barat dan Pedalaman. Terdapat kira-kira 27,000 petani yang bergantung kepada penanaman padi sebagai mata pencarian sedangkan purata saiz tanah hanyalah kira-kira 1.23 hektar.

Sebahagian besar petani hanya menanam padi untuk keperluan keluarga. Kos pengeluaran yang tinggi, kekurangan tenaga kerja dan harga padi yang rendah dan terkawal menyebabkan para penanam padi tidak berminat menambatkan pengeluaran mereka, walaupun kerajaan telah mengadakan kemudahan pengiraan untuk penanaman padi dua kali setahun.

Kebanyakan penanam padi gemar menanam padi jenis tempatan yang mengambil masa yang lebih lama untuk matang. Oleh kerana itu, hasil purata padi negeri ini adalah rendah, kira-kira 440 gantang sehektar.

Dari tahun 1968 hingga 1982, pembangunan sektor padi adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Padi Sabah, manakala Jabatan Pertanian hanya menajalankan penyelidikan dan membekal benih-benih asas. Apabila Lembaga Padi dimansuhkan, tanggungjawab ini diserahkan kepada Jabatan Pertanian yang serta merta melaksanakan Skim Subsidi Padi. Dari tahun 1983 hingga 1989, subsidi padi ialah \$100 seekar untuk selalu tiga ekar setiap petani. Dari tahun 1990 kadar subsidi ditambah menjadi lima ekar untuk setiap petani. Selain itu, setiap petani juga diberi satu karung baja untuk seekar padi yang ditanam pada musim utama dan dua karung untuk seekar padi yang ditanam pada musim kedua.

Skim subsidi tersebut telah memberikan hasil yang menggalakkan. Sekurang-kurangnya skim ini dapat mengawal kemerosotan keluasan padi yang diusahakan. Tujuan utama Jabatan Pertanian ialah untuk meningkatkan daya pengeluaran para petani melalui pemberian subsidi dan pembekalan bahan-bahan tanaman yang bermutu dan teknologi baru.



## TANAMAN LAIN

Tanaman yang tergolong dalam kategori ini ialah tanaman-tanaman selain dari tanaman-tanaman utama yang telah disebut sebelum ini.

Kerajaan telah berusaha mempelbagaikan tanaman di negeri ini kerana tidak ingin terlalu bergantung kepada import mana-mana hasil pertanian, terutama sekali tanaman-tanaman makanan seperti jagung yang sangat berkait rapat dengan industri penternakan. Di bawah dasar mempelbagaikan tanaman, berbagai bentuk subsidi diberikan untuk menggalakkan penanaman tanaman ini.

## TANAMAN MAKANAN

Selain dari padi, seluruh keluasan yang ditanami dengan tanaman makanan dalam tempoh dua dekad lalu tidak mengalami perkembangan yang memuaskan. Di pihak lain, import terhadap hasil daripada tanaman makanan telah meningkat dalam masa yang sama. Sebagai contoh, Sabah mengimport hasil daripada jagung bernilai \$30 juta dalam tahun 1988.

Penanaman tanaman makanan di negeri ini dilaksanakan oleh para petani kecil di kawasan belahang rumah dengan mengamalkan kaedah-kaedah tradisional. Oleh yang demikian, pengeluaran dan pendapatan yang diperolehi adalah kecil.

Jabatan Pertanian telah menggalakkan penanaman tanaman ini dengan memberikan subsidi kepada para petani, namun hasilnya tidak menggalakkan.

## BUAH-BUAHAN

Sabah kaya dengan berbagai jenis buah-buahan. Bagaimanapun, negeri ini terpaksa mengimport buah-buahan luar negeri dengan banyaknya kerana pengeluaran buah-buahan tempatan adalah bermusim dan pengguna-pengguna lebih gemar memakan buah-buahan luar negeri.

Adalah menjadi dasar kerajaan menggalakkan penduduk negeri ini menanam dan memakan buah-buahan tempatan. Jabatan Pertanian

mempunyai bekalan bahan-bahan tanaman bermutu yang cukup untuk dibekalkan kepada petani-petani dan telah memberikan subsidi untuk penanaman tanaman ini. Kerja-kerja penyelidikan untuk menghasilkan jenis-jenis tanaman bermutu telah juga menunjukkan hasil yang menggalakkan.

## SAYUR-SAYURAN

Sabah mempunyai keupayaan untuk menghasilkan sayur-sayuran kawasan tanah rendah di seluruh negeri dan sayur-sayuran kawasan tanah tinggi di Kundasang dan Bundu Tuhan. Kerja-kerja penyelidikan yang dibuat dalam tempoh dua dekad yang lalu telah berjaya memperkenalkan sayur-sayuran luar negeri untuk ditanam di negeri ini. Kini, terdapat banyak jenis sayur-sayuran di dunia ditanam di negeri ini.

Bagaimanapun, Sabah terpaksa mengimport sayur-sayuran untuk memenuhi keperluan dalam negeri terutama sekali bawang putih dan kentang. Ini adalah kerana pengguna-pengguna di negeri ini lebih gemar terhadap komoditi-komoditi ini yang mana penanamannya di negeri ini belum lagi sempurna. Sebab yang lain ialah kerana pengeluaran sayur-sayuran di negeri ini dipengaruhi oleh keadaan iklim, terutama sekali curahan hujan. Oleh yang demikian, pengeluaran sayur-sayuran adalah bermusim, kadang-kadang berlebihan dan ada kalanya berkurangan. Alasan yang ketiga, ialah tidak terdapatnya kemudahan pemasaran yang mencukupi untuk komoditi-komoditi ini. Kerajaan sedar tentang masalah ini dan berusaha sedaya upaya untuk mengatasinya.

*Sumber: Jabatan Pertanian Sabah  
Kota Kinabalu.*



Buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan boleh dijadikan barangan eksport yang lumayan sekiranya penanaman dijalankan secara intensif dan berorientasikan perdagangan.





# PERIKANAN

Kedudukan Negeri Sabah yang dikelilingi oleh Laut Cina Selatan di Barat dan Laut Sulu di Timur merupakan faktor utama mengapa negeri ini kaya dengan sumber perikanan.

Pantai Sabah sepanjang 1,577 kilometer amat sesuai untuk aktiviti penangkapan ikan dan udang.

Adalah dianggarkan pantai negeri ini berpotensi untuk mengeluarkan hasil perikanan sebanyak 35 kilogram bagi setiap satu hektar persegi.

Pada tahun 1988 negeri ini mencatatkan jumlah tangkapan ikan sebanyak 50,300 tan yang bernilai \$208.30 juta dan tangkapan udang sebanyak 9,427 tan.

Eksport perikanan negeri ini pada tahun 1988 meningkat kepada 8,528 tan dengan nilai \$90,467,195 berbanding dengan tahun 1986 sebanyak 7,306 tan dengan nilai \$85,080, 958.

Keuntungan yang diperolehi daripada hasil eksport udang beku tidak berkepala adalah sebanyak \$79 juta. Ia dieksport ke Singapura, Sarawak, Semenanjung Malaysia, Hong Kong, Jepun dan Brunei Darussalam.

## NELAYAN

Sehingga tahun 1988 terdapat seramai 18,000 orang nelayan yang terlibat sepenuh masa dalam industri ini khususnya di kawasan-kawasan Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat, Tawau dan Semporna.

Berbagai alat digunakan oleh para nelayan untuk menangkap ikan. Antaranya termasuklah penggunaan pukat tunda, pukat jerut, kelong, belat dan sebagainya termasuk alat-alat ringan seperti pancing dan bubu.

Nelayan-nelayan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu nelayan tradisional dan nelayan pukat tunda. Nelayan tradisional biasanya menjalankan aktiviti mereka di pesisiran pantai dengan menggunakan alat-alat ringan sementara nelayan pukat tunda menangkap ikan dengan menggunakan kelengkapan moden.

Pendapatan purata bagi kedua-dua kategori ini adalah berbeza. Nelayan yang menjalankan usaha mereka di kawasan pantai memperoleh pendapatan antara 100 hingga \$300 sebulan sementara nelayan pukat tunda berupaya mendapat pendapatan sehingga \$700 sebulan.

## LESEN

Di bawah "Fisheries Regulations", bagi tahun 1988 Jabatan Perikanan telah mengeluarkan sebanyak 2,434 lesen menangkap ikan kepada nelayan-nelayan di negeri ini untuk menjalankan industri menangkap ikan di sepanjang pantai Sabah.

Sementara itu terdapat kira-kira 7,300 buah bot menangkap ikan dan 1,700 buah bot menangkap udang didaftarkan di Jabatan Perikanan pada tahun 1988. Ini merupakan satu pertambahan jika dibandingkan dengan tahun 1986 yang hanya terdapat 8,900 buah bot sahaja yang menjalankan perusahaan ikan dan udang.

Hasil yang dipungut daripada pemberian lesen-lesen perikanan ini adalah \$94,257 pada tahun 1988 dan \$59,010 pada tahun 1986.

Pemberian lesen-lesen perikanan ini akan diperluaskan lagi memandangkan ramai di antara nelayan kita yang tidak mempunyai lesen menangkap ikan sama ada sebagai nelayan tradisional ataupun pukat tunda.

## PEMELIHARAAN IKAN AIR TAWAR

Di bawah Program Perkembangan Perikanan Darat, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan menggalakkan petani-petani mengusahakan ternakan ikan air tawar terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Setakat ini terdapat kira-kira 7,445 buah kolam ikan air tawar meliputi kawasan seluas 82,537 hektar dan melibatkan 3,026 orang penternak.

Ikan yang dipelihara kebanyakannya terdiri daripada jenis tempatan seperti talapia, lampam jawa, koman kap dan ada juga ikan yang diimport seperti kap kepala besar, kap perak dan kap rumpai.

Untuk tahun 1988 Jabatan Perikanan membahagi-bahagikan sebanyak 1,188,096 ekor bibit ikan sebagai subsidi kepada para petani.

Ikan-ikan yang dipelihara selepas enam bulan boleh dijual dan purata pendapatan bagi seorang petani yang mengusahakan ternakan ikan air tawar ini adalah antara \$3,000 hingga \$4,000 sebulan, untuk kolam sehektar.

Pemeliharaan ikan air payau juga dijalankan di kawasan-kawasan paya bakau. Terdapat kira-kira 76 keluarga yang melibatkan diri dalam penternakan ikan jenis ini.

Belanak sumbawa, belanak biasa dan udang adalah antara hidupan yang paling sesuai untuk diternak di air payau.

## PEMELIHARAAN IKAN DALAM SANGKAR

Pemeliharaan ikan dalam sangkar mula diperkenalkan kepada nelayan-nelayan di negeri ini pada awal tahun 1978 di mana Tasik Mengkabong, Tuaran dipilih sebagai pusat untuk memulakan projek ini secara percubaan.

Kebiasaannya ikan-ikan yang dipelihara dalam sangkar terapung ini adalah daripada jenis yang cepat membesar seperti kerapu, ikan merah, ikan putih dan ikan selungsumg.

Dalam setiap sangkar sederhana besar berukuran 9.4 meter x 6.8 meter dan mempunyai 6 petak berupaya menampung sehingga 2,200 ekor ikan.

## PEMELIHARAAN AGAR-AGAR

Tanaman agar-agar berasal daripada rumpai laut yang dikenali sebagai 'Cottoni' yang boleh tumbuh di kawasan cetek dan laut dalam. Agar-agar ini dikeringkan terlebih dahulu sebelum ia dijual.

Agar-agar terapung adalah jenis agar-agar yang ditanam di permukaan laut dan ia didapati hidup subur di kawasan Laut Sulu kerana tanaman ini memerlukan arus laut yang kuat, air masin yang bersih yang tidak bercampur dengan air tawar dan terlindung daripada ombak kuat.

Agar-agar jenis laut cetek pula ditanam di dasar laut sedalam satu meter dan didapati hidup subur di kawasan Pulau Kelapuan, Pulau Salakan dan Pulau Gaya di Semporna.

Hasil bagi setiap satu hektar bagi kedua-dua jenis agar-agar ini dianggarkan 15 tan dan purata pendapatan kasar bagi seorang nelayan yang mengusahakan tanaman ini ialah \$7,500 sebulan.

## AGENSI KERAJAAN

Atas kesedaran untuk membantu mempertingkatkan taraf hidup nelayan kita, kerajaan menubuhkan sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam soal sosial dan ekonomi para nelayan.

Pada 16 September 1978 Ko-Nelayan atau Koperasi Serbaguna Nelayan ditubuhkan di bawah Ordinan Koperasi Sabah untuk memberikan pendapatan yang lebih lumayan kepada nelayan melalui pelaksanaan sebagai projek perikanan.

Sementara SAFMA atau Lembaga Pemasaran Ikan Sabah sebuah anak syarikat Ko-Nelayan ditubuhkan pada awal tahun 1982 untuk membantu para nelayan mengawal dan menstabilkan harga ikan di pasaran.

SAFMA juga berperanan menyediakan pusat pendaratan ikan menyewakan kapal-kapal dan alat-alat menangkap ikan seperti pukat tunda dan jaring kepada nelayan-nelayan yang tidak mempunyai kelengkapan menangkap ikan dengan harga yang berpatutan.


Setakat ini SAFMA mempunyai 37 buah kapal yang lengkap dengan peralatan menangkap ikan dan disewakan dengan harga \$800 hingga \$1,800 sebulan mengikut saiz dan kelengkapan yang terdapat di kapal itu.

*(Data-data disediakan oleh Jabatan Perikanan, Sabah)*



*Walaupun bidang perikanan boleh memberikan pulangan memuaskan kepada negeri Sabah, tetapi ia belum diterokai sepenuhnya.*

# HAIWAN



*Lembu bukan sahaja boleh ditenak dengan mudah di negeri ini malah mempunyai pasaran yang baik,*

Perusahaan ternakan haiwan di Sabah telah sedia ada sejak berkurun-kurun yang lalu.

## **PENGELUARAN TEMPATAN**

Hasrat Kerajaan Negeri ialah untuk membekalkan daging, susu dan telur ke tahap saradiri (self-sufficiency). Akan tetapi disebabkan berbagai rintangan seperti persaingan kos dan mutu pengeluaran dari luar negeri, kekurangan tempat sesuai untuk memternak ternakan ruminan (seperti lembu dan kerbau) dan masalah sosio-ekonomi pada tahun 1986 kerajaan hanya mencapai kurang lebih 57% bagi pengeluaran daging lembu/kerbau, 80% bagi daging ayam, 40% bagi daging kambing,

85% daging babi, 100% untuk telur ayam, 20% untuk susu lembu dan 35% untuk telur itik. Untuk mencapai pengeluaran 100% bagi hasil-hasil ternakan kerajaan telah mengaturl beberapa rancangan dan insentif untuk menggalakkan penyertaan penternak-penternak kecil di bawah Skim Lembu Bawah Kelapa, Skim Tenusu Pekebun Kecil, Kambing Pawah dengan membekal baka-baka dan ternakan yang bermutu tinggi kepada pekebun-pekebun tersebut. Selain daripada itu kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak memberi rawatan-rawatan dan suntikan secara percuma kepada ternakan kepunyaan penternak-penternak kecil.

Perangkaan ternakan di negeri ini adalah seperti berikut:-

1. Jumlah bilangan ternakan (1985 - 1988)

2.1. Jenis Ternakan	1985	1986	1987	1988
2.1. Lembu (ekor)	30,000	32,000	35,000	36,000
2.2. Kerbau (ekor)	61,000	63,000	63,000	64,000
2.3. Kambing (ekor)	28,000	30,000	32,000	34,000
2.4. Bebiri (ekor)	1,500	1,800	2,000	2,200
2.5. Babi (ekor)	100,000	100,900	110,000	111,000
2.6. Ayam (ekor) **	2,672,000	2,874,000	3,093,000	3,168,000
2.7. Itik (ekor) **	403,000	481,000	490,000	472,500

\* Anggaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (Sabah).

\*\* Anggaran bilangan ayam-itik yang tetap sepanjang tahun.

**KEPERLUAN IMPORT TERNAKAN**  
(Jan. - Dis. 1988)

1. Binatang Hidup	Jumlah (Ekor)	Nilai (M\$)
1.1. Lembu baka	3,285.00	3,895,523
1.2. Lembu daging	7,034.00	6,876,913
1.3. Kerbau daging	250.00	253,522
1.4. Bebiri	400.00	76,000
1.5. Kambing	300.00	42,170
1.6. Anak ayam	1,397,013.00	2,932,169
1.7. Binatang-binatang lain	159,992.00	408,390

JUMLAH

14,484,705

2. Import Daging	Tan Metrik	(M\$)
2.1. Daging Lembu	330.51	2,838,651
2.2. Daging Kambing	112.45	779,561
2.3. Daging Babi	35.21	284,253
2.4. Daging Ayam	22,761.87	9,138,348
2.5. Daging-daging ayam-itik lain	10.61	71,711
2.6. Kaki Katak	1.76	25,760

JUMLAH

13,138,284

3. Import Tenuku dan Keluaran Tenuku (Kg)	(Kg)	(M\$)
3.1. Susu Cair	5,533,224.00	15,187,838
3.2. Susu Tepung	4,123,790.00	19,831,305
3.3. Keju	65,507.29	607,538
3.4. Mentega	200,684.64	840,705
3.5. Krim	64,411.84	206,559
3.6. Krim-krim lain (ais-krim)	366,163.18	1,607,426
3.7. Minyak Sapi dan bahan-bahan Tenuku lain	2,337,594.00	18,597
JUMLAH		40,124,995

\* Jumlah dalam kiraan kg.

Sumber: Jabatan Perangkaan Sabah.

### PENGIMPORT BINATANG TERNAKAN DAN HASIL-HASILNYA

Mengikut anggaran-anggaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak jumlah daging yang dimakan bagi seorang (consumption per capita) bagi tahun 1985 ialah seperti berikut :-

Jenis Daging	Jumlah Dimakan Bagi Seorang (Kg)*
1. Daging Ayam	10.00
2. Daging Kambing	0.08
3. Daging Lembu/Kerbau	2.88
4. Daging Khanzir	11.86

\* Dengan kadar penambahan penduduk 3.89%, 1,138,887 bagi tahun 1983.

Untuk menampung keperluan pengguna, kerajaan telah mengimport binatang ternakan, daging, susu dan telur. Bagi tahun 1984 dan 1985 sebanyak 15,253 ekor lembu telah diimport dengan nilai \$11,395,518. 735.55 tan daging lembu bernilai \$6,093,616; 150.34 tan daging kambing bernilai \$903,286; 152.76 tan daging babi bernilai \$663,515 dan \$4,704.52 tan daging ayam bernilai \$16,121,523.

### PELUANG PELABURAN

Memandangkan kepada penambahan dalam kadar 3.89% setahun, maka dianggarkan bahawa pengguna daging, susu dan telur akan meningkat terutama sekali dalam penggunaan susu. Ini disebabkan dengan memperkenalkan susu segar kepada murid-murid sekolah. Peluang untuk perusahaan tenuku adalah cerah sekali memandangkan kepada jumlah susu yang diimport itu akan diganti dengan pengeluaran tempatan. Mengikut kajian Sabah Regional Planning Study, keperluan susu akan meningkat kepada 63,644,000 liter setahun menjelang tahun 1990.

# KE ARAH MENGEKALKAN SUMBER-SUMBER HUTAN SABAH

Sumber-sumber hutan Sabah mengandungi rangkaian tumbuh-tumbuhan dan binatang yang berinteraksi di antara satu sama lain dengan tanah serta udara sekitaran. Dalam keadaan semulajadinya, sistem ekologi yang seimbang ini memberikan faedah kebendaan dan bukan kebendaan dan memberikan satu sekitaran yang bersih, lengkap dan menyegarkan. Hutan belantara mempunyai pengaruh besar kepada sistem penyokong kehidupan lain yang sangat berguna kepada kesejahteraan hidup manusia.

Sekitaran yang ideal ini akan hanya dikekalkan sekiranya diurus dengan baik terutama sekali sumber-sumber kayu balak yang sedang ditebang secara semberana. Pada kadar penebangan sekarang ini, dianggap bahawa kayu balak bermutu komersil yang masih ada akan habis kesemuanya sebelum tahun 2000.

Kematian perindustrian kayu balak bererti kegiatan-kegiatan ekonomi akan terjejas. Kerugian yang tidak jelas di mata ialah kemusnahan, kerugian dan kepupusan sumber-sumber hutan lain dan pengaruh yang merugikan terhadap hidupan liar, okid-okid unik dan luar biasa dan spesies tumbuh-tumbuhan penting lain, bekalan air yang bersih dan sekitaran yang lengkap. Oleh itu tindakan pemuliharaan yang sewajarnya adalah penting untuk mengelakkan daripada negeri ini kehilangan sumber-sumber perhutanan yang berharga buat selama-lamanya.

## KEDUDUKAN PERHUTANAN SABAH MASA KINI.

Luas kawasan tanah Sabah ialah kira-kira 7.37 juta hektar. Dalam tahun 1972 luas hutan komersil yang sesuai untuk pembalakan ialah 5,219 juta hektar (72 peratus). Menjelang tahun 1980, keluasan ini merosot kepada 2 juta hektar (28 peratus). Menjelang

tahun 1985 Jabatan Hutan menganggarkan kawasan pembalakan yang masih utuh dalam Hutan Simpan Kelas II dan Tanah Negeri ialah kira-kira 1.5 juta hektar (21%). Dari angka-angka ini dapat dilihat bahawa hutan-hutan komersil telah merosot pada kadar 286,000 hektar setahun dari tahun 1972 hingga 1985.

Pembalakan yang keterlaluhan ini telah menyebabkan Jabatan Hutan mengadakan beberapa tindakan pembetulan. Di antaranya termasuklah mengenakan kuota eksport, menggalakkan supaya kayu balak diproses di negeri ini dengan cara mengurangkan bayaran royalti ke atas kayu yang telah diproses, menghebatkan lagi pengurusan hutan, memajukan rancangan-rancangan perhutanan semula dan pertanian hutan dan menubuhkan Hutan Simpan Kekal.

Tindakan yang terakhir itu adalah penting dan sesuai dengan kehendak-kehendak yang telah dimaklumkan dalam Dasar Perhutanan Negeri dan Negara yang menetapkan bahawa kira-kira 47 peratus dari luas kawasan tanah di Sabah hendaklah di simpan untuk tujuan-tujuan perhutanan. Dengan sebab itu pada tahun 1985 sejumlah 3,348,640 hektar telah diisytiharkan dengan rasminya sebagai Hutan Simpan Tetap mengikut kategori-kategori yang ditunjukkan dalam Jadual I.

Selain dari Hutan Simpan Tetap, kira-kira 887,900 hektar Hutan Tanah Negeri mengandungi kayu balak.

Perangkaan 1988 menunjukkan bahawa baki kawasan Kelas II Hutan Komersil dan Tanah Hutan Negeri ialah 818,315 hektar dan 474,376 hektar masing-masing. Kira-kira 138,432 hektar akan habis dibalok setiap tahun untuk mengekalkan kadar pendapatan yang ada sekarang.







Pada kadar sekarang, baki hutan komersil seluas 1,292,691 hektar itu akan habis dibalak dalam masa antara sembilan hingga sepuluh tahun sahaja. Akan tetapi jika sekiranya kadar pembalakan yang direkodkan bagi tahun 1972 hingga 1985 iaitu kadar 0.286 juta hektar setahun dikekalkan, kawasan baki yang ada sekarang akan habis ditebang dalam tempoh empat hingga lima tahun sahaja. Masalah kepupusan adalah sangat serius, terutama sekali sekiranya kadar pengeluaran ditingkatkan lagi untuk mendapatkan kewangan yang lebih.

#### **PEMULIHARAAN DAN TINDAKAN-TINDAKAN BERKESAN.**

Perusahaan kayu balak telah memberikan sumbangan besar terhadap pendapatan negeri sejak 10 tahun yang lalu iaitu pada kadar 67% dalam tahun 1980 dan 40% dalam tahun 1985. Peranan penting ini dijangka akan tamat sekiranya kadar penebangan dan pengambilan kayu balak yang ada sekarang tidak dikurangkan. Oleh itu tersangatlah enting diadakan tindakan-tindakan tegas dalam pemuliharaan bukan sahaja untuk menentukan negeri ini akan terus menikmati hasil hutan pada masa akan datang malah untuk mengekalkan satu ekosistem yang seimbang yang akan mendatangkan manfaat kepada generasi sekarang dan akan datang.

Tindakan yang paling berkesan ke arah pemuliharaan hutan ialah penubuhan Hutan Simpan Tetap meliputi 47 peratus dari keseluruhan kawasan tanah negeri ini. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh Perancangan yang kurang mantap dan dasar-dasar pengurusan yang lemah pada masa lampau, penebangan berlebihan telah menyebabkan berlaku penghakisan lantai hutan. Penebangan yang berlebihan itu di antara lain disebabkan oleh keperluan untuk mengekalkan pendapatan dari hutan untuk mengekalkan kedudukan ekonomi.

Pembalakan-pembalakan telah memburukkan keadaan apabila mereka berusaha mencapai kouta yang ditetapkan tanpa memikirkan kecekapan penggunaan kayu balak. Jumlah

kayu yang boleh ditebang dikira mengikut beberapa batang kayu yang sampai di kolam bukan berdasar kepada beberapa banyak kayu-kayu berguna yang ditumbang dalam hutan. Kadar kayu yang sampai ke dalam kolam ialah 60 peratus. Ini bererti kira-kira 40% kayu berguna terbiar menjadi kayu reput dalam hutan. Keadaan ini menjadi lebih teruk lagi kerana penebangan akan menumbangkan kira-kira 167 peratus untuk mencapai 100 peratus yang dibenarkan itu.

#### **PENEBAANGAN BERLEBIHAN**

Masalah penebangan berlebihan ini menjadi lebih buruk lagi dengan terdengarnya laporan-laporan yang mengatakan adanya penyeludupan kayu balak yang menyebabkan pengawalan hilang kesannya. Satu faktor lagi ialah kegemaran pemegang lesen memajakkan kerja-kerja penebangan kepada orang lain. Oleh kerana sebahagian dari hasil pengeluaran kayu akan diberi kepada pemegang lesen, pemajak-pemajak ini cuba mencari keuntungan semaksimal mungkin tanpa menghiraukan akibat yang akan melanda kepada hutan yang ditebangnya itu.

Situasi pembalakan semakin teruk lagi apabila berlaku kemelesetan ekonomi pada awal tahun 1980-an. Permintaan terhadap kayu balak dan hasil-hasil hutan telah menurun mengakibatkan harganya pula turun, dan mendatangkan kesukaran kepada syarikat-syarikat kayu balak dan juga kerajaan. Pengeluaran terpaksa dikurangkan, pekerja-pekerja diberhentikan dan ada syarikat kayu balak yang terpaksa ditutup. Pendapatan kerajaan turut merosot mengakibatkan terjejasnya kerja-kerja pemuliharaan hutan.

Walaupun keadaan telah beransur pulih, perindustrian kayu balak negeri ini masih menghadapi berbagai masalah. Kos pembalakan telah meningkat kerana kawasan-kawasan yang masih utuh terletak di tengah-tengah belantara yang jauh, alat-alat penebangan yang sudah usang, kos alat ganti dan harga minyak yang semakin mahal dan kawasan-kawasan perhutanan yang

tidak cukup kayu. Kegiatan-kegiatan hiliran juga terjejas disebabkan bekalan kayu balak yang tidak lancar, teknologi rendah, kekurangan modal dan kekurangan kemahiran kerja.

### PENGURUSAN HUTAN

Untuk memulihara sumber-sumber hutan yang masih ada, masalah penebangan berlebihan perlu dititik beratkan sambil menimbangkan juga hakikat bahawa pembalakan-pembalakan masa kini terpaksa menghadapi suasana operasi yang lebih sukar. Usaha-usaha mengatasi masalah hendaklah termasuk pelaksanaan perancangan pengurusan hutan yang lebih berkesan, pengawalan kayu balak secara lebih ketat, penggunaan kayu-kayuan negeri ini secara lebih cekap dan peningkatan nilai harga kayu serta untuk mengekalkan bekalan kayu.

Untuk melaksanakan perkara ini perlu ada ketegasan politik terutama sekali dalam mengurangkan penebangan berlebihan. Pemimpin-pemimpin politik dan sivik perlu menyedari tentang perlunya mengurangkan eksploitasi kayu balak kepada kadar yang sesuai mengikut sistem pengurusan pengeluaran kayu-kayuan yang berterusan.

Walaupun peranan pemuliharaan telah diterima sebagai penting untuk mengekalkan sumber-sumber kayu-balak, satu langkah yang kian mendapat tempat ialah penubuhan ladang-ladang hutan. Hanya merupakan satu cara untuk menumbuhkan pokok-pokok baru dan untuk membolehkan lebih banyak jenis kayu diperolehi. Ladang ini juga boleh memainkan peranan ekologi dari segi pengkalan tanah dan air, penahan angin, kawasan perlindungan, penahan pasir, pemulih kawasan-kawasan yang kurang subur dan tempat perlindungan bagi hidupan liar.

Telah disedari bahawa ladang hutan dan hutan dara perlu bantu membantu kerana ladang hutan boleh mengatasi tekanan-tekanan eksploitasi terhadap sumber-sumber hutan tropika yang kian susut itu.

### PERLADANGAN HUTAN DI SABAH

Kerja-kerja merintis secara besar-besaran untuk menubuhkan ladang hutan telah dijalankan dalam tahun 1974 oleh Syarikat Sabah Softwood Sdn. Bhd. (SSSB), sebuah usahasama di antara Yayasan Sabah dan North Borneo Timber Bhd. Dalam tahun 1976 Lembaga Pembangunan Perhutanan Sabah (SAFODA) turut mencebur diri dalam bidang ini yang mana tujuan dan matlamatnya ialah untuk memajukan ladang-ladang hutan di kawasan tanah terbiar, tanah usang, tanah rumput dan belukar yang dianggar seluas 1.1 juta hektar di negeri ini.

Sabah Forest Industri (SFI) yang diperbadankan dalam tahun 1983 juga telah mula mengusahakan ladang hutan untuk membekalkan kayu lembut kepada kilang kertasnya di Sipitang. Pada hari ini ladang-ladang hutan yang telah dimajukan adalah seperti berikut:

#### ANGKA-ANGKA PENGELUARAN KAYU BALAK

Tahun	Pengeluaran (Juta M <sup>3</sup> )
1950	226,692.4
1960	2,159,240.2
1970	6,559,782.0
1978	13,289,035.3
1983	11,991,409.6
1985	10,757,424.7
1986	8,811,078.0
1987	12,174,344.0

Kayu-kayu utama yang ditanam ialah *Acacia mangium*, *Paraserianthes falcataria*, *Gmelina arborea*, *Eucalyptus deglupta* dan *Pinus caribaea*. Kelima-lima jenis kayu ini telah ditanam diladang SSSB dan SAFODA sementara ladang SFI hanya menanam *Acacia mangium*.



*Benih-benih kayu cepat membesar seperti ini ditanam di kawasan-kawasan tanah terbiar bagi mewujudkan "ladang hutan" untuk memastikan industri-industri kayu kayan mendapat bekalan yang berterusan.*

## MASA DEPAN LADANG HUTAN

Satu faktor sesuai untuk ladang hutan di negeri ini ialah adanya kawasan terbiar yang luas, tanah rumput, hutan yang sudah habis kayu balaknya dan kawasan hutan simpan yang tidak berkayu balak juga sesuai untuk dijadikan ladang hutan. Cuaca negeri ini sesuai untuk pembesaran anak kayu dengan cepat dan unsur-unsur pembinasas seperti ribut dan taufan tidak ada. Kemudahan pasaran dan sokongan infrastruktur telahpun ada dan hanya memerlukan sedikit perubahan dan penyesuaian. Buat masa ini

kehadiran pendatang-pendatang di negeri ini boleh dijadikan punca pekerja.

Teknologi yang tinggi dalam industri perhutanan boleh didapati dari luar negeri dan boleh didatangkan ke negeri ini untuk menambah sumber-sumber maklumat yang telah diperolehi melalui pengalaman SSSB, SAFODA dan SFI. Disebabkan oleh pertalian rapat di antara pertanian dan ladang hutan, cara-cara R&D dan pengurusan tanaman berumur panjang boleh dipergunakan untuk mengurus ladang-ladang hutan ini.

*Dipetik dari Berita IDS Vol.3 No: 4*

# PERINDUSTRIAN

Kegiatan perindustrian di Sabah kini memberi tumpuan kepada industri pembuatan berasaskan bahan mentah dan galian untuk eksport. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) memainkan peranan penting memajukan sektor ini yang menyumbang pendapatan lumayan kepada Sabah.

## SEDCO DAN PERINDUSTRIAN

Sejak penubuhannya pada 1971, SEDCO melibatkan diri dalam pelaburan di sektor pembuatan, pembangunan hartabenda, perdagangan, perkhidmatan, hiburan dan perlombongan. Di sektor pembuatan, SEDCO mengadakan usahasama dengan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak menubuhkan Sabah Flour and Feed Mills Sdn. Bhd. mengeluarkan tepung gandum dan makanan ternakan.

SEDCO juga menceburi industri pemasangan kereta menerusi Kinabalu Motor Assembly Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat memasang kenderaan yang pertama di Sabah. Syarikat ini memulakan pengeluaran pada 1979 dengan memasang empat buah model kenderaan jenis ISUZU untuk pasaran Sabah dan Sarawak. Syarikat ini sekarang berkeupayaan memasang sepuluh model kenderaan dan memiliki Perkina Industries Sdn. Bhd. sebagai agen pemasarannya.

Melalui usahasama dengan Nipsea Holding (M) Sdn. Bhd., SEDCO menjalankan industri perintis mengeluarkan cat dengan menubuhkan Nippon Paint (S) Sdn. Bhd. Pada 1982, syarikat ini mulai mengeluarkan cat hiasan dan kenderaan menggunakan jenama 'Nippon'.

Cement Industries (S) Sdn. Bhd. pula merupakan usahasama dengan Tasek Cement Bhd. dan agensi tempatan mengeluarkan simen

untuk pasaran tempatan mulai 1986. Sebelum itu, usahasama dijalankan dengan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak menubuhkan Cement Manufacturers (Sarawak) Sdn. Bhd. pada 1974 yang mencapai kejayaan cemerlang dan kini disenaraikan dalam pasaran saham.

Usahasama juga dijalankan dengan Interkiln Corporation dari Amerika Syarikat membina Ceramica Solare (S) Sdn. Bhd. iaitu industri perintis mengeluarkan ubin dinding dan lantai untuk pasaran tempatan serta dieksport ke Hong Kong, Singapura, Australia, New Zealand, United Kingdom dan negara-negara Pasific.

Di sektor perdagangan yang berkait rapat dengan perindustrian, SEDCO menubuhkan Perkasa Trading Sdn. Bhd. untuk memperbaiki khidmat perdagangan kepada rakyat Sabah dari segi import dan perniagaan borong serta menjadi saluran pemasaran barangan keluaran anak syarikatnya yang lain. Pada hari ini, Perkasa Trading merupakan pembekal utama bahan-bahan binaan untuk perindustrian dan keperluan lain seperti simen, besi, keluli, ubin, baja dan kimia. SEBOR Sdn. Bhd. yang ditubuhkan dengan usahasama Borneo Company (S) Sdn. Bhd. pada 1974 pula kini muncul sebagai pengimport dan pengedar utama barangan pengguna di Sabah yang mewakili lebih 22 agensi di Malaysia dan luar negara.

Dalam industri fileman di negara ini, penubuhan Borneo Film Organisation Sdn. Bhd. (BFO) oleh SEDCO, berjaya menembusi monopoli Cathay Organisation dan Shaw Brothers. Kini, BFO adalah pemegang saham terbesar Cathay Organisation yang memiliki 27 buah rangkaian pawagam di Malaysia dan Singapura serta menjadi pengedar filem terbesar di negara ini.



*Flour Feed Mill Labuan*



*Nippon Paint Inanam*

Bagi menggalakkan pelancongan, SEDCO melibatkan diri dalam industri perhotelan dengan pemilihan Kinabalu International Hotel pada 1979 yang diselenggarakan oleh Hyatt International Corporation. Hotel ini mempunyai 345 buah bilik mewah, eksklusif dan bilik kenamaan. Ia juga menyediakan kemudahan mengadakan sebarang majlis, konvensyen, mesyuarat, pusat perdagangan serta perkhidmatan kepada pengusaha atau pelancong. SEDCO juga membina tiga buah hotel peranginan bertaraf antarabangsa (Hotel Perkasa) di Ranau, Keningau dan Tenom.

SEDCO juga menceburi industri perlombongan menerusi Syarikat Mamut Copper Mining yang menjalankan perlombongan bijih tembaga di Ranau dengan usahasama sebuah syarikat Jepun. Ia merupakan satu-satunya lombong tembaga di Malaysia. Selain itu, SEDCO merancang mengadakan usahasama dengan beberapa syarikat asing menjalankan kegiatan mencarigali emas dan galian berharga yang lain di kawasan Pantai Timur Sabah.

#### **PERINDUSTRIAN SEDCO DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) Kerajaan meluluskan 24 projek bernilai \$54.8 juta dan daripada jumlah itu pihak SEDCO berjaya melaksanakan 16 buah projek merangkumi tiga projek perindustrian, tujuh projek rumah kedai, empat projek pembangunan dan tiga estet perindustrian.

Salah satu daripada tiga projek perindustrian itu telahpun siap dan memulakan pengeluaran komersial manakala projek selebihnya masih di peringkat awal pelaksanaan. Bagi projek estet perindustrian, 102.8 hektar tanah dibangunkan dalam tempoh tersebut di seluruh negeri Sabah.

#### **PROJEK SERBUK PENCUCI (Detergent Manufacturing Plant)**

Projek usahasama di antara SEDCO dan syarikat British, Carnicao Investment Ltd. ini terletak di kawasan perindustrian Lok Kawi yang memberi pekerjaan kepada 69 orang rakyat tempatan. Projek ini memulakan operasi

pengeluaran pada tahun 1988 dengan pembiayaan sendiri dan pinjaman luar negeri.

#### **PROJEK SARONG TANGAN GETAH DAN KONDOM**

Kilang projek ini di estet perindustrian Lok Kawi adalah usahasama SEDCO dengan Overseas Securities Limited dari Australia yang akan memulakan pengeluaran komersial pada Jun 1990. Syarikat yang dinamakan United Rubber Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. ini dijangka memberi pekerjaan kepada seramai 360 orang.

#### **PROJEK BAJA KOMPAUN (Fertilizer Mixed Project)**

Projek baja kompaun ini masih di peringkat pelaksanaan. Memorandum Persefahaman telahpun ditandatangani di antara pihak SEDCO dengan Kumpulan Kanada, United Agri Systems Ltd. Projek ini akan dibangunkan di kawasan seluas 8 ekar di Batu Sapi, Sandakan. Pembinaan projek itu akan memberi peluang pekerjaan kepada 52 orang.

#### **ESTET PERINDUSTRIAN**

Projek Estet Perindustrian Sandakan Fasa II yang terletak di Batu 2½ Jalan Utara, Sandakan telah dibangunkan mengikut pelan pembangunan yang diluluskan pada 1984. Kawasan seluas 98 ekar ini ditimbus dengan kos \$11 juta. Dua buah bengkel dibina di atas tapak tersebut pada Oktober 1989 dan penjualan dimulakan pada Disember 1989.

Di samping itu SEDCO juga akan menimbus dan membangunkan kawasan seluas 20 ekar berhampiran pekan Inanam. Projek ini dijangka bermula pada Julai 1990 dengan pembinaan bangunan pelbagai rekabentuk (terraced, semi-detached dan detached) sebanyak 132 unit dengan 60% dijual di pasaran terbuka manakala 40% diperuntukkan kepada pengusaha haram yang beroperasi di luar kawasan tapak perindustrian.

Projek ini merupakan sebahagian daripada langkah mewujudkan tapak perindustrian teratur di kawasan Kota Kinabalu dengan me-

mempatkan pengusaha kilang di kawasan perindustrian khas dan tetap. Projek ini dijangka memberi peluang pekerjaan kepada seramai 1,200 orang.

**PROJEK PEMBINAAN RUMAH KEDAI SEDCO (Pekan Baru)**

Dengan tempoh yang sama, SEDCO merancang membangunkan 10 projek rumah kedai di beberapa kawasan di seluruh Sabah. Pembinaan telah dan sedang dijalankan di Apin-Apin, Apas Balung, Kinabatangan, Kuala Penyu, Membakut, Nabal, Penampang, Semporna, Tandek dan Telupid.

Dengan adanya bangunan rumah kedai berkenaan, diharapkan lebih ramai pengusaha Bumiputera menceburi bidang perniagaan selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri.

**PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN SEDCO DALAM TEMPOH 1986-1990**

**Pembangunan Kawasan Perindustrian**

Untuk mempertingkatkan lagi perkembangan ekonomi negeri, SEDCO melalui Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) telah membangunkan beberapa kawasan perindustrian di seluruh Sabah.

Setakat ini, jumlah kawasan perindustrian yang telah dimajukan adalah seperti berikut:-



*Kilang Simen di Teluk Sepanggar*



*Lombong Tembaga Mamut di Ranau*

<i>Bil.</i>	<i>Kawasan Perindustrian</i>	<i>Keluasan (Hektar)</i>	<i>% Bumiputera</i>	<i>Tahun</i>
1.	Likas Phase I	50.20	37	1979-80
2.	Likas Phase II	63.20	23	1980-83
3.	Lok Kawi Phase I	55.0	13	1984-86
4.	Lok Kawi Phase II	6.52	-	1986-90
5.	Sandakan Phase I	8.60	-	1979-80
6.	Tawau	13.80	13	1986-90



## Projek Perindustrian yang sedang dalam Pembinaan

Bil.	Kawasan Perindustrian	Keluasan (Hektar)	Peruntukan kepada Bumiputera	Tahun
1.	Sandakan Phase II	39.70	30%	1986-1990

Selaras dengan hasrat Kerajaan memperingkatkan penyertaan bumiputera di bidang perindustrian dan perdagangan, SEDCO juga turut menyediakan kemudahan pembangunan infrastruktur dan kewangan.

### (i) Pemilikan Rumah-rumah kedai

Kegiatan membina rumah kedai dan kemudahan yang berkaitan dijalankan oleh Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC), sebuah anak syarikat milik penuh SEDCO.

Setakat ini, 602 unit rumah kedai telah dibangunkan di seluruh negeri. Daripada jumlah itu, 61% (368 unit) diperuntukkan kepada bumiputera.

Ini selaras dengan hasrat Kerajaan memberi keutamaan kepada peniaga bumiputera memiliki rumah kedai. Projek ini sedikit sebanyak menyelesaikan masalah peniaga bumiputera mendapatkan ruang niaga khususnya di kawasan luar bandar dengan memperuntukkan rumah kedai 100% kepada mereka.

Di kawasan bandar, peruntukan sekurang-kurangnya 30% diberi kepada peniaga bumiputera. Pemberian ini berdasarkan kepada permohonan peniaga bumiputera mendapatkan ruang niaga di bandar-bandar. Ini telah meningkatkan penyertaan peniaga bumiputera bersaing di bidang perniagaan yang lebih mencabar. Setidaknya dari segi pemilikan, peniaga-peniaga bumiputera mempunyai ruang niaga di pusat bandar.

### (ii) Pembinaan rumah-rumah gudang/bengkel

SUDC juga membina rumah-rumah gudang kegunaan industri-industri saingan di Sabah. Sebanyak 57 unit rumah gudang di Estet Perindustrian Likas dan 16 unit di Labuan telah siap dibina. Dalam pembahagian rumah gudang, sekali lagi keutamaan diberikan kepada peniaga bumiputera. Sebanyak 29 unit (57%) rumah gudang di Likas dan 10 unit (62.5%) rumah gudang di Labuan telah diperuntukkan kepada bumiputera.

## INDUSTRI PERHUTANAN

Dengan keluasan 4.6 juta hektar hutan, industri berasaskan kayu-kayuan merupakan salah satu punca pendapatan eksport utama Sabah. Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. (SFI) di Sipitang yang diperbadankan pada 30 April 1982 adalah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah yang melaksanakan projek Kilang Palpa dan Kertas untuk pasaran tempatan dan eksport.

Kawasan hutan simpanan Padas dan Lumaku seluas 291,834 hektar menjadi sumber bekalan kayu palpa dan bahan bakar untuk projek ini. Kawasan hutan yang ditebang-bersih ditanami semula dengan pokok yang cepat membesar untuk memastikan bekalan kayu yang berterusan kepada kilang ini.

Projek berharga \$1,400 juta ini merupakan kilang palpa dan kertas berkelompok yang tunggal di Malaysia dan terbesar di Asia Tenggara. Kilang ini adalah satu-satunya menggunakan 100% kayu keras campuran

tropika di dunia dan berkeupayaan mengeluarkan kertas tulis tidak bersadur dan kertas pencetakan bermutu tinggi berjumlah 125,000 tan setahun.

SFI kini mengeluarkan dan mengeksport lebih 10,000 tan kertas tidak bersadur bermutu tinggi setiap bulan serta mampu memenuhi permintaan Malaysia terhadap kertas pencetakan dan kertas tulis tidak bersadur yang berjumlah 5,000 tan sebulan.

SFI juga mengeluarkan kertas komputer, fotokopi dan kertas salinan. Kertas keluaran SFI ini diimport oleh dua puluh buah negara antaranya Amerika Syarikat, Algeria, Mesir, Asia Barat, ASEAN, Korea Selatan, Fiji dan Australia. Pelaburan dalam projek SFI juga akan ditambah pada masa depan untuk meningkatkan keupayaan mengeluarkan kertas bersadur yang mempunyai permintaan dan harga yang tinggi.

Pada 1988, SFI memperolehi hasil jualan \$257.6 juta. Jualan kertas menyumbangkan \$159.2 juta dengan \$94.2 juta adalah daripada eksport manakala \$98.4 juta lagi diperolehi daripada jumlah balak.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan kini mulai mengubah dasarnya yang menumpukan aktiviti pembalakan dan kilang papan kepada proses sekunder dan ketiga. Perubahan dasar ini akan mewujudkan peluang pelaburan di bidang pengeluaran venir, papan lapis, kayu papan dan perabot. Selain itu, ia juga membuka pelaburan di bidang pemerosesan hampas kayu menjadi papan serpih, papan kayu dan kumaian (Mouldings). Sekarang, 45%-55% daripada bahagian kayu yang dikeluarkan dibuang sia-sia sebagai hampas.

## **PERINDUSTRIAN-PERINDUSTRIAN LAIN**

### **INDUSTRI PERTANIAN DAN KRAFTANGAN**

Sebagai sebuah negeri yang bergantung kepada sumber pertanian, bidang ini turut dimajukan dengan pembinaan beberapa kilang memproses kelapa sawit, getah, koko, tepung,

teh dan makanan ringan. Langkah ini selaras dengan dasar kerajaan memaksimumkan pendapatan daripada sektor pertanian melalui industri pemerosesan 'hiliran' sumber tersebut.

Peluang pelaburan dalam industri berasaskan pertanian yang lain juga dikenalpasti boleh dikembangkan seperti pemerosesan buah-buahan dan sayur-sayuran.

Di peringkat desa dan luar bandar, inisiatif diberikan kepada para belia menceburi bidang pembuatan kraftangan. Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah telah membuka sebuah pusat kraftangan di Kota Kinabalu untuk melatih rakyat negeri ini menghasilkan barangan kraf yang bermutu untuk tujuan komersial.

### **INDUSTRI PENTERNAKAN**

Kawasan seluas 20,000 ekar di Lembah Sook, Keningau dan Mesilau di kaki Gunung Kinabalu telah dibangunkan untuk industri penternakan lembu daging dan tenusu.

Berdasarkan data-data import dan pemakanan, penternakan ayam, pemerosesan barangan tenusu dan pengetinan daging berpotensi besar dimajukan di Sabah untuk memenuhi permintaan tempatan dan eksport.

### **INDUSTRI PERIKANAN**

Persisiran pantai Sabah sepanjang 1,500 kilometer memang kaya dengan hasil perikanan terutama di kawasan Pantai Barat dan Timur Laut. Penguatkuasaan Dasar kawasan Ekonomi Eksklusif meningkatkan lagi potensi industri perikanan ini yang belum diterokai sepenuhnya.

Walaupun bagaimanapun, beberapa pelaburan dalam industri ini telah dijalankan secara usahasama oleh pengusaha tempatan dengan pelabur asing seperti penangkapan ikan di laut dalam, akuakultur dan pemerosesan 'hiliran' keluaran perikanan.

## INDUSTRI GALIAN

Sumber galian yang terdapat di negeri ini mewujudkan industri petroleum di Erb West dan Semarang serta kilang Seramik, besi berongga, methanol dan janakuasa elektrik di Labuan.

Pada akhir 1986, Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. (SGI) berjaya mengeksport besi berongga ke Taiwan, Jepun, Korea Selatan dan Filipina. Methanol juga dieksport ke Singapura, Korea Selatan dan Jepun. Sabah Gas Industries kini berupaya mengeluarkan 660,000 tan methanol dan 700,000 tan besi berongga setahun.

Berdasarkan kajian pakar geologi, Sabah mempunyai simpanan galian yang banyak dan belum diterokai sepenuhnya seperti emas, tembaga, silikan, tanah liat, silika dan batu kapur.

## PERKEMBANGAN PROJEK PERINDUSTRIAN

Projek perindustrian telah berkembang dengan pesat di Sabah berdasarkan jumlah lesen perkilangan yang diluluskan atau disokong oleh Kerajaan Negeri seperti berikut:-

Tahun	Projek	Jumlah Diluluskan	Kos Pelaburan	Modal Berbayar	Pekerjaan Ditawarkan
			\$	\$	
1986	SGA	53	9.06 juta	4.66 juta	701
	FML	16	98.70 juta	43.50 juta	1,784
1987	SGA	61	25.39 juta	10.56 juta	1,403
	FML	13	78.10 juta	31.04 juta	1,467
1988	SGA	57	47.60 juta	18.80 juta	1,317
	FML	34	646.76 juta	191.98 juta	6,158
1989	SGA	113	106.18 juta	59.18 juta	3,068
	FML	45	296.05 juta	116.05 juta	5,793

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan.

**Nota:**

FML (Federal Manufacturing Licence) - Projek perkilangan yang disokong oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Syarikat yang bercadang menjalankan projek perkilangan dengan modal berbayar \$2.5 juta ke atas dan mempunyai pekerja melebihi 75 orang mesti mendapatkan Lesen Pengilang daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia.

SGA (Sabah Government Approval) - Bagi syarikat yang bercadang menjalankan projek perkilangan tetapi mempunyai modal cadangan dan jumlah pekerja kurang daripada angka tersebut di atas dikehendaki mendapatkan lesen yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Penyertaan bumiputera dalam projek perkilangan juga menggalakkan. Jumlah projek perkilangan yang mempunyai cadangan penyertaan bumiputera adalah seperti di bawah:

Tahun	Peratus Penyertaan Bumiputera	
	SGA	FML
1986	38%	66.56%
1987	42.64%	43.50%
1988	39.30%	8.60%
1989	54.66%	25.49%

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan.

Sektor perindustrian di Sabah dijangka berkembang dengan pesat pada era 90-an dengan adanya sumber alam semulajadi yang banyak serta usaha giat mereka menarik pelaburan asing oleh Kerajaan Negeri di samping pelaburan tempatan. Selain sokongan pihak Kerajaan dan swasta, pemulihan ekonomi serta kestabilan politik akan membantu perkembangan itu.



Kraftangan tempatan dari bahan rotan yang diusahakan secara komersil kini mampu bersaing dengan barangan import.



# KEBAJIKAN

Perkhidmatan kebajikan di negeri ini yang disediakan oleh kerajaan boleh dibahagikan kepada perkhidmatan yang dibiaya oleh kerajaan negeri dan perkhidmatan yang dibiaya oleh kerajaan persekutuan.

## PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG DIBIAYA OLEH KERAJAAN NEGERI

1. *Skim Bantuan Pendapatan* - Di bawah skim ini orang-orang yang memerlukan seperti balu ataupun janda yang mempunyai ramai tanggungan, orang cacat tanpa pekerjaan, orang uzur, orang tua uzur, anak-anak yatim, kanak-kanak dari keluarga melarat dan keluarga-keluarga yang dirundung malang, diberi bantuan dalam bentuk wang, makanan, bahan binaan, pengangkutan dan barang-barang keperluan lain khasnya untuk mangsa malapetaka.
2. *Skim Pemulihan Orang-orang Cacat* - Di bawah skim ini Kerajaan menyediakan latihan akademik dan vokasional, penempatan dalam masyarakat, penempatan kerja, anggota-anggota palsu dan alat-alat kelengkapan otopedik. Pada masa ini ada empat institusi yang menyediakan kemudahan latihan dan rawatan psyioterapi untuk kanak-kanak cacat.
3. *Perkhidmatan Kebajikan Keluarga dan Kanak-kanak* - Di bawah skim ini perkhidmatan kaunseling dan nasihat diberi kepada mereka yang menghadapi masalah sosial, emosi, dan keluarga. Jabatan Kebajikan kini mengendali empat buah rumah orang-orang tua iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Beaufort yang boleh menampung 300 orang penghuni.
4. Pertubuhan-pertubuhan sukarela turut memainkan peranan penting dalam perkembangan dan kemajuan kebajikan sosial di negeri ini dengan membantu dan menokok tambah kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan di bidang kebajikan. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif ialah Persatuan Orang-orang Buta Sabah, Rumah Kanak-kanak Cacat Cheshire, Tabung Sakit Jantung Sabah, Persatuan Kanser Sabah, Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulance. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan tahunan sebanyak \$500,000 kepada 14 buah pertubuhan kebajikan sukarela melalui Majlis Kebajikan Masyarakat Sabah.
5. Kerajaan Negeri juga bekerjasama rapat dengan PEMADAM dalam usaha membanteras salah guna dadah. Kepada PEMADAM Sabah, Kerajaan memberi peruntukan tahunan sebanyak \$50,000.

## PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG DIBIAYA OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan yang dibiaya oleh Kerajaan Persekutuan ialah perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan termasuk perkhidmatan pemerhatian terhadap pesalah-pesalah dan remaja nakal, perlindungan wanita dan gadis dan taman asuhan kanak-kanak. Pada masa ini sudah ada pusat pemulihan untuk pesalah remaja dan pusat perlindungan wanita dan gadis.


## PERUNTUKAN PERBELANJAAN OLEH KERAJAAN

Peruntukan perbelanjaan yang disediakan oleh kerajaan untuk perkhidmatan kebajikan turun naik tahun demi tahun. Pada tahun 1964 peruntukan yang diberi hanya \$138,000. Pada tahun 1984 jumlah itu meningkat kepada \$8.8 juta. Pada tahun 1980 jumlahnya melonjak kepada \$24.8 juta kemudian turun kepada \$8.1 juta dalam tahun 1983. Pada tahun 1985 angka itu kembali meningkat semula kepada \$22.7 juta. Angka-angka peruntukan selanjutnya

ialah \$21.77 juta, \$25.9 juta, \$30.6 juta dan \$59.1 juta pada tahun 1987, 1988, 1989 dan 1990.

Peningkatan luar biasa telah berlaku pada tahun 1980, 1981 dan 1982 disebabkan oleh pemberian bantuan yang terlalu liberal di bawah Skim Bantuan Orang-Orang Tua. Apabila undang-undang diketatkan dalam tahun 1982 jumlah bantuan bagi tahun 1983 turun kepada \$8.1 juta.

PERBELANJAAN HASIL NEGERI UNTUK PERKHIDMATAN KEBAJIKAN 1964-1990



(Dipadankan dari rencana "Sabah's Commitment to Welfare Services oleh Rosalind Liatu - Berita IDS Vol. 3 No. 5).

# PERUMAHAN

Pembangunan industri perumahan di Sabah mula berkembang pesat pada era merdeka berikutan pertumbuhan penduduk yang tinggi, proses perbandaran dan perindustrian di bandar-bandar.

Perkembangan pesat sektor perumahan ini mendorong pihak kerajaan mewujudkan projek-projek perumahan kos rendah, sederhana dan tinggi untuk memberi kemudahan sosial yang lebih baik kepada rakyat negeri ini.

Semenjak menyertai Malaysia 27 tahun yang lalu, Sabah telah mencapai kemajuan yang boleh dibanggakan dalam pembangunan perumahan awam menerusi Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) yang dikenali sebagai Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah (SPNS) sebelum tahun 1979.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, LPPB lebih memberi keutamaan mencapai matlamatnya ke arah pemilikan rumah sendiri, mewujudkan pekerjaan dan keharmonian kaum melalui integrasi nasional.

## STRATEGI PROGRAM PELAKSANAAN PERUMAHAN AWAM

Dasar negara yang dikenali 'Konsep Pensewastaan' akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah perumahan melalui usaha sama LPPB dengan pemaju swasta untuk membina rumah kos rendah, sederhana dan tinggi. Dalam projek ini LPPB akan menyediakan tanah manakala pembinaan dan penjualan akan dikendalikan oleh pemaju swasta yang dilantik.

Skim Persediaan Tapak dan Perkhidmatan pula adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang berhasrat memiliki

rumah sendiri tetapi tidak layak memiliki rumah di bawah program rumah kos rendah kerana kurang mampu. Menerusi skim ini, kerajaan memperuntukkan tanah dan menyediakan infrastruktur asas supaya penghuni yang berjaya dapat membina rumah masing-masing berpandukan pelan binaan yang ditetapkan.

Untuk memenuhi permintaan yang pelbagai dan memastikan penggunaan tanah secara optima, LPPB telah menggunakan beberapa tahap kepadatan dalam pembangunan perumahan.

Disebabkan kekurangan tanah yang sesuai di pusat-pusat bandar serta untuk memaksimumkan penggunaan tanah maka konsep pembangunan kepadatan tinggi (75 unit sehektar) seperti jenis kondominium telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima.

Dalam konsep kondominium ini, rumah-rumah pangsa 3 hingga 5 tingkat akan dibina berdekatan untuk membolehkan kemudahan sosial asas seperti taman permainan, kedai dan sekolah disediakan di sekitarnya yang dihubungi oleh lorong-lorong jalan kaki.

Perumahan kepadatan sederhana (30-50 unit sehektar) yang merupakan rumah teres kos rendah setingkat/dua tingkat ataupun rumah berkelompok dibina di kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan lantainya tidak melebihi 56 meter persegi (603 kaki persegi) dan mempunyai dua bilik tidur.

Di kawasan luar bandar pula, projek perumahan kepadatan rendah (17 unit sehektar) dijalankan dengan pembinaan rumah-rumah kayu bertiang tetulang konkrit yang boleh diperbesarkan bila keadaan memerlukan. Keluasan lantainya



ialah 450 kaki persegi (42 meter persegi) dan kawasan lot pula antara 3,500 hingga 5,000 kaki persegi.

## PENCAPAIAN

Semenjak tahun 1968 hingga 1985, LPPB telah berjaya menyiapkan sebanyak 7,555 unit rumah awam yang meliputi keluasan lebih 1,093 ekar berharga \$134.8 juta. Pecahan tiap-tiap projek yang dimaksudkan seperti berikut:

Jenis Projek	Unit
Rumah Kos Rendah (Biayaan Negeri)	1,527
Rumah Kos Rendah (Biayaan Persekutuan)	1,906
Perumahan Komersial kos sederhana dan tinggi	1,511
Projek-projek Negeri	2,611
<b>Jumlah:</b>	<b>7,555</b>

## RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (1986-1990)

Berdasarkan kajian pihak Hunting Technical Services Limited mengenai 'Sabah Regional Planting Study', jangkaan keperluan rumah kos rendah di Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ialah 57,850 unit. Namun begitu, jangkaan permintaan terhadap rumah kos rendah ini hanyalah 23,400 sahaja.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, adalah dijangkakan LPPB dan pemaju swasta masing-masing dapat menyediakan lebih kurang 4,949 dan 1,764 unit rumah kos rendah.

LPPB akan terus melaksanakan dasar pemilihan rumah sendiri di Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelima kerana keperluan mendesak di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad

Datu. Ini disebabkan oleh kekurangan rumah akibat pertumbuhan pesat penduduk dan penghijrahan dari luar bandar ke bandar.

Memandangkan keperluan dan permintaan segera perumahan terutama daripada golongan berpendapatan rendah, LPPB merancang membina 2,262 unit rumah kos rendah dengan pinjaman yang diluluskan berjumlah \$13.871 juta oleh kerajaan negeri dan \$31.12 juta oleh kerajaan persekutuan.

Dijangka LPPB akan dapat menyiapkan 657 dan 1,114 unit rumah kos rendah yang masing-masing atas biayaan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dengan kos berjumlah \$48.8 juta menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelima.

LPPB turut melibatkan diri dalam projek perumahan kos sederhana dan tinggi sebagai tambahan bekalan rumah yang dibina oleh pemaju swasta bagi golongan berpendapatan sederhana dan tinggi. Keuntungan yang diperolehi daripada projek perumahan komersial ini membolehkan LPPB berdikari (tanpa bantuan kerajaan) dan keuntungan ini digunakan untuk membantu skim perumahan kos rendah supaya rumah itu boleh dijual di bawah paras harga maksimum \$25,000 seunit.

Seterusnya LPPB juga merancang membina 1,295 unit rumah kos sederhana dan tinggi yang dibiayai oleh bank-bank komersial syarikat kewangan. Memandangkan bekalan perumahan yang melebihi permintaan sekarang maka dijangkakan hanya sedikit sahaja projek-projek perumahan komersial yang akan dibina menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kelima.

Rancangan Perumahan Khas pula akan dilaksanakan untuk membolehkan mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri dengan pembinaan 7,326 rumah murah dan 381 rumah harga sederhana.

Projek ini akan dilaksanakan atas dasar penswastaaan iaitu LPPB menyediakan tanah sementara pemaju swasta menyediakan



pelan, kewangan membina dan menjual rumah tersebut mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. LPPB menyediakan garis panduan khas bagi menentukan pembinaan mengikut peraturan dan harganya tetap rendah. Oleh kerana penswastaan ini sesuatu yang baru dan melibatkan proses birokrasi yang panjang dijangka 2,012 sahaja unit rumah akan dapat disediakan sehingga penghujung Rancangan Malaysia Kelima di mana 1,900 unit adalah rumah kos rendah dan pembinaan selanjutnya akan diteruskan pada Rancangan Malaysia Keenam.

Pada masa ini LPPB sedang merancang satu program penempatan semula dan peningkatan taraf yang dipanggil 'Skim Peningkatan dan Pemulihan' di Kampung Sunsuron, Tambunan. Di bawah program ini, keadaan rumah-rumah di kampung itu yang terlalu sesak dan tidak teratur akan diperbaiki dengan penyediaan infrastruktur asas dan rumah-rumah yang terpaksa dirobuhkan akan dibina di kawasan perumahan baru di bawah skim baru pemulihan. Sekiranya program ini berjaya, lebih banyak projek seumpamanya akan diwujudkan di seluruh negeri Sabah pada masa depan.

*Permintaan yang tinggi terhadap rumah di bandar-bandar menyebabkan sektor perumahan berkembang pesat di negeri ini.*



# PENDIDIKAN

Pendidikan di negara ini khususnya di Sabah tidak pernah diabaikan kerana pendidikan merupakan sebahagian daripada pelaburan sosial yang penting serta akan memberi faedah jangka panjang kepada rakyat dan negeri ini.

Sehubungan itu, Dasar Pelajaran Kebangsaan diwujudkan sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Pelajaran 1961. Matlamat utamanya memberi tumpuan penyediaan peluang-peluang pelajaran yang lebih luas kepada semua penduduk untuk membentuk mereka supaya berdisiplin, tekun dan mempunyai dayausaha yang tinggi.

Untuk mencapai matlamat Dasar Pelajaran itu, Falsafah Pendidikan diwujudkan dan diselaraskan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan iaitu:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara".

(Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, 1988)

Negeri Sabah seperti negeri-negeri lain di Malaysia mempunyai lima peringkat struktur pendidikan iaitu Pendidikan Sekolah Rendah

(Darjah 1-6), Pendidikan Sekolah Menengah (Tingkatan 1-3), Menengah Atas (Tingkatan 4-5), Pendidikan Pra-Universiti (Tingkatan 6 Rendah/Atas dan Kursus Matrikulasi) dan akhir sekali iaitu pendidikan tinggi.

Selain itu terdapat juga pendidikan TADIKA dan Pelajaran Teknik dan Vokasional yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan dan sekolah-sekolah swasta. Sekolah-sekolah swasta itu mengadakan kelas-kelas lanjutan untuk memberi kemudahan pelajaran di semua peringkat struktur pendidikan bagi mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran menerusi sistem Pelajaran Kebangsaan.

Kerajaan memberi keutamaan kepada pembangunan sosial rakyatnya khususnya dalam bidang pendidikan di negeri ini. Peruntukan kerajaan diadakan setiap belanjawan tahunan dan Rancangan Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sahaja (1986-1990), sebanyak \$306.72 juta diperuntukkan. Daripada jumlah peruntukan itu, sebanyak \$126.57 telah dibelanjakan dengan menyiapkan 46 projek di seluruh negara termasuk juga negeri ini.

Manakala peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk pembangunan sekolah-sekolah di negeri ini dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$11,406,000 untuk tahun 1986, \$71,100,000 untuk tahun 1987, \$91,164,000 untuk 1988 dan \$93,011,000 untuk tahun 1989.

Selain mendirikan bangunan-bangunan sekolah dan menambahkan bilangan pelajar, tenaga pengajar juga turut ditambah bagi mengimbangi keperluan pendidikan di negeri ini. Pada tahun 1963 purata nisbah pelajar dan guru adalah 1:28, kini berkurangan kepada 1:22. Situasi sedemikian memberi



*Pendidikan percuma disediakan oleh Kerajaan dari Sekolah Rendah sehingga Sekolah Menengah.*

keselesaan kepada guru dan juga pelajar ketika berada di kelas.

Pendidikan melalui media seperti televisyen dan radio juga disediakan bersama generator jika tidak ada elektrik di satu-satu sekolah. Tujuan penyediaan itu semata-mata meningkatkan kualiti pembelajaran di sekolah-sekolah.

Sungguhpun pendidikan formal yang awal sekali di negeri ini lebih bercorak keagamaan iaitu sekolah-sekolah pondok dan mubaligh Roman Katolik, namun keadaan itu sudah berubah. Kesedaran betapa pentingnya pendidikan telah menyebabkan kerajaan berusaha untuk memajukan aspek pendidikan di negeri ini. Kini sebanyak 326,254 pelajar terdapat di negeri ini. Manakala sekolah kerajaan, sekolah bantuan dan sekolah persendirian berjumlah 1,162 buah bagi akhir tahun 1980-an.

#### RINGKASAN BILANGAN SEKOLAH TAHUN 1988/1989

	Kerajaan	Bantuan	Persendirian	Jumlah
1. Sekolah Rendah				
i. Sekolah Kebangsaan	767	-	-	767
ii. Sekolah Rendah Kebangsaan	-	80	-	80
iii. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan	3	83	-	86
2. Sekolah Menengah				
i. Sekolah Menengah Kebangsaan	73	-	-	73
ii. Sekolah Menengah	-	37	-	37
3. Sekolah Menengah Agama	1	-	-	1
4. Sekolah Berasrama Penuh (Menengah)	2	-	-	2
5. Sekolah Menengah Vokasional	5	-	-	5
6. Sekolah Rendah Persendirian	-	-	11	11
7. Sekolah Menengah Persendirian	-	-	13	13
8. Sekolah Taman Didikan Kanak-kanak	-	-	83	83
9. Maktab Perguruan	4	-	-	4
Jumlah:	855	200	107	1,162



*Maktab Perguruan Keningau merupakan salah sebuah daripada empat institusi latihan perguruan yang terdapat di Sabah. Sabah memerlukan lebih ramai guru-guru yang berkelayakan untuk meningkatkan taraf pendidikan di negeri ini.*

## **BANTUAN KEPADA PELAJAR YANG MEMERLUKAN SISTEM SEMESTER**

Kerajaan menyedari, tidak semua rakyat negeri ini mampu menyara pelajaran anak-anak mereka. Justru itu pelbagai agensi ditubuhkan khusus memberi galakan dan bantuan melanjutkan persekolahan mereka. Agensi-agensi itu termasuklah Yayasan Sabah, Petronas, Shell, Bank Negara, Bank Bumiputra dan Jabatan Pendidikan sendiri. Bantuan ini sama ada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman. Bagi pelajar di luar bandar pula bantuan buku teks, pakaian, asrama tempat tinggal serta makanan percuma diberikan. Sekolah menengah di bandar-bandar juga menikmati bantuan itu. Pada masa ini jumlah asrama di sekolah menengah berjumlah 16,000 yang dibina di seluruh negeri.

Satu perubahan ketara oleh Kementerian Pendidikan masa ini ialah penggunaan sistem semester atau sistem dua penggal. Permulaan sistem ini bermula pada tahun ini. Pelaksanaannya diselaraskan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah bermula pada akhir 1989 lagi.

Tujuan pelaksanaan itu bagi mengelak gangguan banjir yang sering mengganggu kelicinan pelaksanaan peperiksaan setiap tahun. Sistem ini juga telah menambahkan masa pelajar berada di sekolah.

Kejayaan pelaksanaan sistem pelajaran ini telah memberi satu perubahan yang besar dalam sistem hidup masyarakat. Suatu ketika dahulu ramai daripada rakyat negeri ini buta huruf tetapi pada masa ini, ia berkurangan sedikit demi sedikit. Perubahan positif adalah usaha bersama kerajaan yang gigih tanpa jemu mencari formula dan pendekatan demi faedah rakyat negeri ini.

# PELANCONGAN

Pada masa lalu pelancongan tidak begitu diambil berat oleh perancang-perancang ekonomi negeri ini, disebabkan oleh adanya sektor lain yang lebih menguntungkan seperti pembalakan, minyak, koko dan kelapa sawit.

Akan tetapi sejak akhir-akhir ini keadaan telah mulai berubah. Disebabkan oleh selalunya berlaku kejatuhan harga barangan utama negeri ini dalam pasaran antarabangsa dan disebabkan oleh semakin berkurangnya sumber-sumber alam seperti tembaga, minyak dan kayu balak, pelancongan mulai mendapat perhatian baru.

Perkara ini memang logik kerana Sabah mempunyai potensi besar untuk menjadi destinasi pelancongan yang menarik. Negeri ini mempunyai berbagai keistimewaan terpendam.

Sabah kaya dengan keindahan alam semulajadi seperti gunung ganang yang penuh misteri dan lengkap dengan tumbuh-tumbuhan berbagai jenis dan hidupan liar, pantai-pantai yang luas saujana mata memandangi, taman-taman pulau yang dipenuhi dengan batu-batu karang yang menakjubkan seperti Pulau Sipadan, sungai-sungai yang hebat dan deras seperti Sungai Padas.

Kita juga kaya dengan kebudayaan dan adat resam asli. Tidak boleh dinafikan bahawa Sabah mempunyai suku kaum yang paling banyak di Malaysia. Terdapat 69 suku kaum mendiami negeri ini. Tiap-tiap suku kaum kaya dengan adat resam dan tradisi masing-masing. Setakat ini 53 jenis tarian rakyat tempatan telah didokumentasikan.

Keayaan adat resam dan sifat semulajadi penduduk negeri ini yang lemah lembut, peharian dan sangat hormat kepada tetamu merupakan eset yang sangat besar dalam dunia pelancongan. di samping itu kita telah mem-

punyai infrastruktur selengkapnya, walaupun bukan yang terbaik, untuk menampung kesihatan industri yang baru berputik ini.

Pelancong-pelancong boleh tiba ke negeri ini melalui udara, darat ataupun laut. Sistem perhubungan jalan raya kita memungkinkan pelancong-pelancong datang ke semua tempat menarik di negeri ini. Penginapan pelbagai kategori telahpun tersedia, dari penginapan hotel berataraf antarabangsa, kepada hotel ekonomi atau hotel murah, mahupun asrama belia, atau rumah rehat dan chalet, untuk memenuhi selera dan kemampuan wang segala jenis pelancong.

## MINAT KERAJAAN

Minat baru negeri ini terhadap pelancongan dipergiatkan lagi oleh peningkatan jumlah pelancong yang datang ke negeri ini dan kemampuan potensi yang sedia ada untuk menampung kehadiran pelancong-pelancong yang kian bertambah itu.

Menurut Ketua Menteri Sabah, 276,000 pelancong telah melawat Sabah dalam tahun 1988 dan angka tersebut boleh meningkat kepada 310,000 dalam tahun 1990.

Menurut Ketua Menteri juga, Sabah dijangka akan memperolehi keuntungan \$1.3 billion pada hujung abad ini apabila kira-kira 1 billion pelancong melawat negeri ini.

Untuk mencapai matlamat tersebut berbagai-bagai usaha sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu industri ini supaya negeri ini benar-benar "indah khabar dan indah rupa" dan benar-benar memuaskan hati setiap pengunjung.

## INFRASTRUKTUR

Sebagai langkah pertama meningkatkan industri pelancongan negeri ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar untuk menyelaras segala kegiatan pelancongan negeri, Negeri Sabah yang berfungsi sebagai penye-laras kegiatan-kegiatan promosi pelancongan dalam dan luar negara.

Dari segi perbelanjaan pada tahun 1989 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan \$4.4 juta untuk usaha-usaha kemajuan pelancongan. Dari jumlah tersebut \$2 juta dihkaskan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Taman Kinabalu dan \$1.5 juta untuk kerja-kerja pembangunan Taman Tunku Abdul Rahman dan Pulau Penyu.

Pulau Manukan, salah sebuah dari lima buah pulau dalam rangkaian pulau-pulau Taman Tunku Abdul Rahman sedang dilengkapi dengan club house, 20 buah chalet, kemudahan bekalan air dan kemudahan-kemudahan rekreasi termasuk sukan. Dengan kemudahan-kemudahan baru yang disediakan di Pulau Manukan dan empat buah pulau yang lain, Taman Tunku Abdul Rahman dijangka akan menjadi tempat berkelah dan 'holiday resort' yang sangat popular disebabkan kedudukannya yang sangat hampir dengan ibu negeri.

Tempat-tempat pelancongan lain yang sedang dimajukan termasuklah Lembah Danum, Pusat Pemulihan Orang Utan di Sepilok, Taman Lembah Tawau, Pantai Dalit dan Pulau Penyu.

## PERAYAAN DAN KEBUDAYAAN

Aset utama pelancongan negeri ini ialah penduduknya yang berbilang kaum, suku dan keturunan. Untuk mempopularkan Sabah sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai keistimewaan tersendiri dari segi warisan budaya, Kerajaan Negeri telah menjadikan Sabah Fest sebagai acara tahunan. Dalam perayaan Sabah Fest para pelancong dapat menyaksikan berbagai pertunjukan dan persembahan suku kaum seperti tarian-tarian tradisional, pakaian tradisional, adat istiadat perkahwinan tempatan, seni pertukangan, seni



*Ketua Menteri Sabah sewaktu melancarkan Sabah Fest, yang bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Sabah.*

lukis, kraftangan dan malah masakan tempatan di hotel-hotel terkemuka.

Acara-acara tetap yang lain seperti Pesta Kaamatan, Tamu Besar, Hari Jadi Tuan Yang Terutama dan sebagainya sentiasa disulami dengan persembahan-persembahan kebudayaan.

## MAKLUMAT PELANCONGAN

Para pelancong dan syarikat-syarikat pelancongan luar negeri sering terkejut dengan keistimewaan negeri ini dari segi kemudahan infrastruktur, keindahan alam semulajadi dan budi bahasa rakyatnya. Sebelum tiba ke negeri ini mereka tidak menduga itu semua disebabkan oleh kekurangan bahan dan maklumat mengenai negeri ini.

Untuk mengatasi masalah dan keluhan seperti ini Kerajaan Negeri dengan dibantu oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Persatuan Pelancong Sabah, Yayasan Sabah dan pihak swasta, sedang berusaha menyediakan berbagai-bagai maklumat melalui berbagai media.





Sebahagian dari 69 suku kaum yang mendiami negeri Sabah.



Keindahan Sabah bukan setakat pada pemandangan alam semula jadinya tetapi juga pada keunikan adat resam dan kebudayaan rakyatnya yang berbilang kaum.

Keindahan alam semula jadi terdapat dengan banyaknya di Sabah dan kemudahan-kemudahan sewajarnya terus diusahakan untuk memberi peluang kepada pengunjung tempatan dan luar negeri menikmati keindahan-keindahan tersebut.



Baru-baru ini dua buah buku penerangan bergambar mengenai negeri ini telah dilancarkan iaitu 'Sabah Land of the Sacred Mountain dan *Iridescent Sabah*'. Selain dari itu promosi aktif melalui radio dan televisyen sedang juga dijalankan.

Dari semasa ke semasa seminar-seminar pelancongan diadakan di negeri ini untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan dalam industri ini. Penulis-penulis dari luar negeri juga sering dijemput untuk menulis perkara-perkara menarik di negeri ini untuk pengetahuan bakal-bakal pelancong antarabangsa.

Satu acara khas yang kini makin mendapat perhatian antarabangsa ialah Mount Kinabalu Climathon yang diadakan setiap tahun pada bulan September. Disebabkan oleh keistimewaan Kinabalu sebagai puncak tertinggi di Asia Tenggara, apa-apa promosi yang ada kaitan dengan gunung ini mudah mendapat perhatian antarabangsa.

Nama 'Borneo' juga sedang dipopularkan semula dalam promosi pelancongan sebab nama itu lebih dikenali di peringkat antarabangsa daripada Sabah.

Sebab peningkatan luar biasa pada tahun 1980, 1981 dan 1982 ialah pemberian bantuan yang terlalu liberal di bawah Skim Bantuan Orang-orang Tua. Apabila undang-undang diketatkan dalam tahun 1982 jumlah bantuan bagi tahun 1983 turun kepada \$8.1 juta.

## KEMPEN

Setiap usaha tidak boleh berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan rakyat. Oleh itu kerajaan telah juga melancarkan berbagai kempen seperti Kempen Kebersihan Alam Sekitar, Kempen Kebersihan Tandas Awam, Kempen Bersopan Santun dan Kempen Kesedaran Sivik.

Semua usaha-usaha ini adalah sebahagian dari usaha menghadapi Tahun Melawat Malaysia 1990 dan tahun-tahun sesudahnya. Dijangka pada tahun 1990 ini ramai pelancong akan tiba ke negeri ini dan pada tahun-tahun berikutnya lebih ramai lagi disebabkan oleh promosi sepanjang tahun 1990 itu.

*Gunung Kinabalu, gunung yang tertinggi di Asia Tenggara merupakan salah satu tarikan pelancong ke negeri ini.*



# AGAMA

## PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM

Pada masa Sabah menuntut kemerdekaan menerusi pembentukan Malaysia, masalah agama Islam telah diperbincangkan. Pelbagai pendapat dan pandangan telah timbul. Mengikut laporan Suruhanjaya Cobbold 1963, pengerusinya (Lord Cobbold) dan ahli-ahli dari Britain mengesyorkan supaya kebebasan beragama dijamin sepenuhnya dan peruntukan tentang agama Islam sebagai agama negara dalam Perlembagaan Malaysia tidak dilanjutkan di negeri-negeri Borneo, kecuali jika kemudiannya diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri yang dipilih. Walau bagaimanapun ahli-ahli dari Malaya mengesyorkan supaya Islam hendaklah dijadikan agama negara dalam Persekutuan Malaysia.

## PENUBUHAN USIA

Pada 14 Ogos 1969, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau United Sabah Islamic Association (USIA) ditubuhkan dan Persatuan Islam Sabah (PIS) dibubarkan serta diserapkan langsung ke dalam USIA. Di antara beberapa matlamat USIA ialah:

- Menyatupadukan umat Islam di Sabah
- Menjayakan kepentingan-kepentingan agama Islam
- Mengadakan segala kemudahan untuk pengajian dan pengetahuan
- Berkenaan agama Islam di kalangan semua kaum untuk mengembangkan agama Islam
- Mewujudkan masyarakat Islam yang tulen dan tinggi budi pekerti

Bagi menjayakan matlamat tersebut, dalam tahun 1970, USIA mulai menyusun pendidikan dan pelajaran agama Islam menerusi sekolah. Sebanyak 68 buah madrasah dan sekolah agama rakyat yang sedia ada telah diambilalih oleh USIA. Serentak dengan itu, USIA juga telah mengambil guru-guru agama dari Semenanjung Malaysia bagi mengisi dan memenuhi keperluan yang amat mendesak itu. Walau bagaimanapun, keadaan persekolahan itu belumlah begitu teratur dan sempurna. Setengah-setengah sekolah agama itu menumpang di balai raya atau di perkarangan masjid-masjid. Selain daripada lapangan pendidikan Islam, USIA lebih menitikberatkan perjuangan dan daya usahanya di bidang dakwah Islamiah, terutamanya pengislaman. Sejak tahun 1971, beribu-ribu orang telah memeluk agama Islam. USIA mempunyai seramai 163 orang mubaligh.

## PENUBUHAN MUIS

Semenjak USIA ditubuhkan, pemimpin-pemimpin Islam di Sabah telah memutuskan betapa perlunya agar hal-ehwal pentadbiran dan undang-undang agama Islam itu disatukan di bawah sebuah badan separuh Kerajaan. Ini juga mengikut jejak langkah semua negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia yang masing-masing mempunyai sebuah badan atau setengahnya sebuah Jabatan Agama Islam dalam Kerajaan sendiri.

Untuk tujuan tersebut, sebuah enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, No. 15 tahun 1971 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan tertubuhlah Majlis Ugama Islam Sabah. Dengan adanya enakmen ini maka segala urusan pentadbiran undang-undang agama Islam diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Sabah. Ini termasuklah pendidikan dan persekolahan agama Islam, nikah cerai dan pembicaraan-pembicaraan mengenai huku-

man "Agama Islam" yang dulunya dijalankan oleh Ketua-ketua Anak Negeri.

Bagi menyesuaikan dengan kemajuan dan perkembangan semasa, enakmen tersebut telah diubahsuai dengan lulusnya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No: 15 tahun 1977.

Bagi melaksanakan tujuan enakmen itu, Majlis Ugama Islam Sabah telah segera menunaikan tanggungjawabnya. Langkah pertamanya ialah dibidang pendidikan di mana MUIS segera mengambilalih sekolah-sekolah agama Islam di seluruh negeri daripada USIA dan menentukan sukatan pelajaran serta guru-gurunya.

Kira-kira setahun selepas itu, Kerajaan Negeri bersetuju menerima Dasar Pelajaran 1961. Seksyen 36 (1) dan (2) akta itu mewajibkan sekolah-sekolah bantuan Kerajaan mengadakan pelajaran agama Islam kepada murid-murid beragama Islam selama 2 jam seminggu sekiranya terdapat 15 orang atau lebih murid-murid yang beragama Islam di sekolah itu.

Seksyen 37 (1), (2) dan (3) akta tersebut pula menentukan bahawa perbelanjaan mengadakan pelajaran agama Islam di sekolah rendah hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dengan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan, manakala perbelanjaan agama Islam di sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Semenjak itu MUIS mulai menempatkan guru-guru agama Islam di sekolah-sekolah rendah kerajaan (SRK) dan sekolah-sekolah menengah kerajaan (SMK) serta maktab-maktab selain daripada sekolah-sekolah agama Islam (SUI) yang secara langsung ditadbirkan oleh MUIS.

Sehingga akhir 1976, MUIS telah menempatkan seramai 469 orang guru agama di 358 buah sekolah rendah kerajaan. Di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan maktab-maktab, MUIS telah menempatkan seramai 83 orang guru untuk 47 buah sekolah.

Walau bagaimanapun dalam tahun 1978 sebahagian besar daripada guru-guru agama MUIS telah diambilalih dan diserapkan perkhidmatan mereka ke Kementerian Pelajaran. Sebahagian lagi masih mengajar di sekolah-sekolah rendah agama Islam (SUI) dan sekolah menengah agama MUIS.

Sehingga ini, Majlis Ugama Islam Sabah mempunyai tiga buah sekolah menengah Agama/akademik dengan jumlah pelajarnya seramai 475 orang. Sementara sekolah agama peringkat rendah pula sebanyak 100 buah dengan jumlah muridnya seramai 14,000 orang dan tenaga pengajar seramai 400 orang.

Majlis juga memiliki 17 buah kelas Taman Didikan Islam (TADIK) dengan jumlah pelajarnya seramai 993 orang. Bilangan tenaga guru yang wujud untuk semua peringkat ialah seramai 415 orang.

Di bidang perundangan dan pentadbiran Syariah Islam, selama ini MUIS telah dapat menjalankan pungutan zakat fitrah. Pada tahun 1976 juga MUIS telah melantik imam-imam daerah di seluruh negeri Sabah dengan tugas utamanya mengurus dan mentadbirkan hal-ehwal agama Islam di samping tanggungjawab-tanggungjawab lain dalam menjaga, mengawasi dan menyelaraskan berbagai urusan masyarakat Islam di daerah masing-masing.

## GERAKAN DAKWAH ISLAMIAH

Sementara itu MUIS telah meneroka beberapa lapangan lagi bagi melaksanakan tujuan dan matlamat serta tanggungjawabnya sebagaimana yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977. Di antara lapangan terpenting sekali ialah mempergiat gerakan dakwah Islamiah di negeri ini. Untuk tujuan yang tersebut sebuah badan telah ditubuhkan dalam bulan Jun 1979 dengan nama Badan Dakwah MUIS yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah dan pada tahun 1986 nama badan ini ditukar kepada Badan Amar Makruf MUIS.



Matlamat badan ini ialah untuk menyebarkan Islam seluas-luasnya terutama kepada masyarakat bukan Islam dengan harapan mereka akan tertarik hati terhadap kebenaran dan kesucian agama Islam. Kepada masyarakat Islam pula, ditingkatkan lagi keimanan mereka sambil diberikan pengetahuan agama secara lebih mendalam supaya Islam benar-benar dapat dihayati sebagai cara hidup kita.

Badan ini melantik dan melatih kader-kader dakwah termasuk imam-imam, guru-guru agama dan para mubaligh, di samping pegawai-pegawai Amar Makruf dan penolong-penolongnya serta wakil-wakil imam di daerah-daerah. Mereka mempunyai fungsi dan tanggungjawab bagi memberikan bimbingan kepada umat Islam khususnya saudara-saudara baru.

Untuk maksud memberikan pengetahuan dan bimbingan agama yang lebih berkesan kepada saudara-saudara baru, MUIS mempunyai dua buah kompleks sebagai pusat latihan dakwah iaitu di Keningau dan Kudat (Pusat Latihan Dakwah ini diselenggarakan oleh Bahagian Hal-ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Sabah). Seramai 300 orang dapat dilatih serentak untuk kursus intensif enam

*Masjid Negeri Sabah di Sembulan ini merupakan lambang Islam sebagai agama rasmi Sabah.*

bulan di kedua-dua pusat tersebut. Setelah tamat, mereka kembali ke kampung masing-masing dan menyebarkan pengetahuan mereka. Di samping itu seramai 300 orang yang baru pula dilatih. Demikianlah seterusnya.

Kegiatan Dakwah Islamiah ini dibantu pula oleh Bahagian Sebaran Am MUIS. Bahagian ini menerbitkan risalah-risalah agama, majalah agama dan alat-alat lain media massa termasuk radio dan televisyen serta pengetahuan agama Islam.

## PEMBANGUNAN

Dalam memperkembangkan agama Islam, Kerajaan Negeri melalui Majlis Ugama Islam Sabah membina masjid dan surau di merata-kampung dan daerah di negeri ini untuk kemudahan orang Islam menunaikan ibadat sembahyang dan sebagai kemudahan perhimpunan Islam. Dalam tahun 1978-1987 misalnya MUIS telah dapat membina sebanyak 345 buah masjid dan 200 buah surau di seluruh negeri.

## ISLAM AGAMA RASMI NEGERI SABAH

Sebagai penutup wajarlah dicatatkan bahawa Perkara 5A Perlembagaan Negeri Sabah telah menjamin agama Islam sebagai agama rasmi negeri. Akan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni di mana-mana jua di negeri ini.





## PEKEMBANGAN AGAMA-AGAMA LAIN

Perlembagaan Negara memperuntukkan perkara 3(1) yang menegaskan bahawa 'agama Islam ialah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan'.

Peruntukan dalam perlembagaan itu memberi jaminan kepada rakyat negara ini bahawa kebebasan beragama boleh diamalkan oleh semua peringkat kaum. Selain jaminan itu, kerajaan juga memberi bantuan dengan sejumlah peruntukan kewangan untuk membina rumah-rumah ibadat sama ada penganut agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu atau agama-agama yang lainnya.

Pembangunan agama Kristian begitu ketara kebelakangan ini. Purata pertambahan penganut agama itu (Roman Katolik sahaja) begitu memberangsangkan. Setiap perkampungan kecil di negeri ini mempunyai sekurang-kurangnya satu gereja kecil. Setakat ini terdapat 340 buah gereja kecil di seluruh negeri. Manakala gereja besar pula lebih kurang 30 buah.

Dengan pembangunan yang agak pesat itu sudah pastilah penganut agama ini menerima keselesaan berikutan bantuan kerajaan yang mementingkan pembangunan agama-agama di negeri ini.

Penganut agama Kristian di Sabah ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Penganut mazhab Roman Katolik (RC) sehingga tahun ini berjumlah 176,000 orang. Daripada jumlah itu, suku kaum Kadazan merupakan penganut mazhab ini yang teramai sekali iaitu:

Kadazan	60%.
Cina	28%
Murut	4%
Bumiputera lain	2%
Bangsa lain	6%



*Gerja besar Sacred Heart, Kota Kinabalu.*



*Gerja Anglikan, Likas.*

Menurut 'Diocese of Kota Kinabalu', Badan yang menyelaras perkembangan Roman Katolik di Sabah, pertambahan jumlah penganut RC begitu ketara sekali terutama sejak tahun 1985 lagi. Purata pertambahan mazhab RC itu bertambah 5,000 penganut setiap tahun.

Pertambahan mazhab Kristian yang lain seperti Basel, SIB, SDA, Anglikan, 'True Jesus' dan sebagainya juga tidak diketepikan. Pembangunan rumah-rumah ibadat mazhab-mazhab itu juga seiringan dengan perkembangan agama lain.

Selain agama Kristian, agama Buddha juga mempunyai ramai penganut di negeri ini. Terdapat tiga buah rumah ibadat yang besar bagi agama Buddha di negeri ini. Rumah ibadat yang terbesar sekali ialah 'Poh Toh Sze Temple' yang terletak di Likas, Kota Kinabalu.



*Gereja Good Shepherd, Inanam.*



*Gereja Basel Malaysia.*



*Gereja Kecil Grace, Luyang.*



*Gereja Seventh Day Adventist Kitobu, Inanam.*

Dua lagi yang lain terletak di Tawau dan Sandakan. Bagaimanapun seluruh daerah di negeri ini mempunyai rumah ibadatnya yang kecil sedikit iaitu Topikung, satu agama yang hampir sama sifatnya dengan agama Buddha.

Menurut kepercayaan agama Buddha, benda-benda bernyawa tidak boleh diseksa atau diputuskan nyawanya. Cara mereka melakukan ibadat pula dengan menggunakan buah-buahan dan 'hiong' (seperti batang lidi kemudiannya dibakar). Nama Tuhan mereka terdiri daripada dua iaitu 'Omitofu' (Tuhan Lelaki) dan 'Kuan Yin' (Tuhan Perempuan).

Jumlah penganut agama itu di negeri ini lebih kurang 100,000 orang (termasuk penganut agama Topikung). Penganut terdiri daripada orang Cina, Kadazan, India, dan Inggeris yang berada di negeri ini.

Agama Hindu juga mempunyai ramai penganutnya di negeri ini. Kerajaan negeri menerima agama ini sebagai salah satu agama negeri Sabah. Hari Deepavali dan Thaipusam turut dirayakan di negeri ini.

Kuil Sri Subramanian merupakan satu-satunya kuil agama Hindu yang ada di negeri ini. Kerajaan negeri sedang merancang untuk memberi bantuan membina kuil yang lebih besar daripada yang terdapat di Lok Kawi, Kota Kinabalu.

Jelasnya kerajaan tidak hanya memberi perhatian ke arah pembangunan satu agama tetapi juga meliputi agama-agama lain yang ada di negeri ini. Kebebasan beragama terus diamalkan dengan aman tanpa gangguan sekatan mana-mana pihak.



*Gereja Basel Inanam*



*Kuil Hindu*



*Kuil Sikh*

## PENGHARGAAN

Jabatan Penerangan Malaysia, Sabah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun yang telah memberikan kerjasama dalam penyusunan buku ini, khasnya :-

1. JABATAN KETUA MENTERI SABAH
2. JABATAN PERTANIAN
3. JABATAN PERIKANAN
4. JABATAN PENDIDIKAN
5. INSTITUTE FOR DEVELOPMENT STUDIES (SABAH)

dan kepada penulis-penulis berikut :-

*Ho Ting Seng, Leonard Wong, Gwendolen Vo dan Fu Sui Wah.*

*(Meninjau Keadaan Ekonomi Negeri Sabah 1989 - 1990).*

*Rosalind Liau (Infrastruktur)*

*Matteri Marusin (Elektrik)*

*Harun Madasa (Bekalan Air) (Ternakan Haiwan) (Perikanan)*

*Sadim Haji Abdul (Kesihatan)*

*Saberun Abd. Kadir (Pelancongan)*

*Ribah Nadzerah Masampun*

*(Perkembangan lain-lain agama di Sabah)*

*Tio Tew Chuan dan Ceaser Arroyo*

*(Kearah Mengekalkan Sumber-Sumber Hutan Sabah)*

NASIONAL PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

25 FEB 1992